LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENCUKAIAN INDIVIDU BERMASTAUTIN BAHAGIAN I – HADIAH ATAU SUMBANGAN DAN POTONGAN YANG DIBENARKAN

KETETAPAN UMUM NO. 5/2026

TARIKH PENERBITAN: 04 NOVEMBER 2026

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kelapan

Edisi ketujuh pada 05 Disember 2025

Edisi keenam pada 27 Disember 2024

Edisi kelima pada 20 November 2023

Edisi keempat pada 30 September 2021

Edisi ketiga pada 9 Oktober 2020

Edisi kedua pada 13 September 2018

Edisi pertama pada 6 Jun 2005

© 2026 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistematik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi secara elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN

		Muka surat
1.	Objektif	1
2.	Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Pengenalan	2
5.	Hadiah atau Sumbangan	3
6.	Potongan yang Dibenarkan	8
7.	Kemas kini dan Pindaan	67
8.	Penafian	68
	Lampiran	69

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai mulai tahun taksiran (TT) 2026 bagi:

1.1 Hadiah atau sumbangan yang dibuat oleh individu yang bermastautin yang boleh dibenarkan dalam menentukan jumlah pendapatan bagi suatu TT; dan

1.2 Potongan cukai yang boleh dibenarkan kepada individu yang bermastautin dalam mengira pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu TT.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.

2.2 Peruntukan ACP yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 5, 7, 18, 44, 45, dan 45A hingga 51.

3. Tafsiran

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

3.1 “Anak” berhubung dengan individu atau isterinya, bermaksud anak yang sah taraf atau anak tiri kepada individu atau isterinya, atau anak yang dibuktikan dengan memuaskan hati Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) telah diambil menjadi anak angkat oleh individu atau isterinya mengikut mana-mana undang-undang.

3.2 “Anak angkat” berhubung dengan individu atau isterinya, bermaksud anak yang diambil oleh individu atau isteri sebagai anak angkat di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [*Akta 253*] atau mengikut mana-mana undang-undang (tidak semestinya undang-undang Malaysia) di mana pengangkatan anak itu diiktiraf oleh KPHDN.

3.3 “Anak tiri” berhubung dengan individu atau isterinya, bermaksud anak lelaki atau anak perempuan kepada suami atau isteri hasil daripada perkahwinan yang dahulu.

3.4 “Individu” bermaksud orang biasa.

3.5 “Jumlah pendapatan” untuk suatu TT adalah pendapatan agregat ditolak kerugian perniagaan tahun asas, perbelanjaan di bawah Jadual 4 atau 4B, dan derma wang tunai, sumbangan bentuk barangan, manuskrip, artifak dan lukisan di bawah seksyen 44 ACP.

3.6 "Orang kurang upaya" bermaksud mana-mana individu yang telah disahkan secara bertulis oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai orang kurang upaya.

3.7 "Pengamal perubatan" berhubung dengan potongan ke atas perbelanjaan perubatan bagi ibu bapa, bermaksud pengamal perubatan (doktor) yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan Majlis Pergigian Malaysia.

3.8 "Tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar.

3.9 "Tempoh asas" berhubung dengan seseorang, suatu puncanya dan suatu TT, bermaksud tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan di bawah seksyen 21 ACP.

4. Pengenalan

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu TT ditentukan mengikut seksyen 5 ACP. Pendapatan yang boleh dikenakan cukai perlu ditentukan mengikut turutan berikut iaitu dengan menentukan peringkat bagi setiap pendapatan:

(a) pendapatan kasar;

(b) pendapatan larasan;

(c) pendapatan berkanun;

(d) pendapatan agregat dan jumlah pendapatan; dan

(e) pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

Untuk menentukan jumlah pendapatan seorang individu yang bermastautin, hadiah dan/atau sumbangan yang diberikan oleh individu kepada kerajaan dan institusi atau organisasi yang diluluskan boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan agregat. Potongan tertentu juga dibenarkan untuk ditolak daripada jumlah pendapatan dalam menentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai seorang individu itu.

Untuk penerangan lanjut, sila rujuk kepada KU No. 5/2022 bertajuk "Pencukaian Individu Bermastautin Bahagian II - Pengiraan Jumlah Pendapatan Dan Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai" yang boleh diperoleh daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

5. Hadiah atau Sumbangan

5.1 Jumlah pendapatan seorang individu bagi suatu TT adalah pendapatan agregat bagi TT tersebut dikurangkan dengan potongan bagi hadiah atau sumbangan yang dibuat dalam tahun asas tersebut.

5.2 Hadiah atau sumbangan yang boleh dituntut oleh individu adalah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 44(6) hingga 44(11D) ACP seperti berikut:

5.2.1 **Hadiah wang kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau institusi atau organisasi, atau tabung yang diluluskan oleh KPHDN – subseksyen 44(6) ACP**

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang yang dibuat kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan dengan tiada sekatan.

Hadiah wang kepada mana-mana institusi, organisasi, atau tabung yang diluluskan oleh KPHDN juga dibenarkan sebagai potongan tetapi terhad kepada 10% daripada pendapatan agregat seseorang individu.

Senarai nama bagi institusi atau organisasi yang diluluskan boleh diperoleh daripada portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

5.2.2 **Hadiah artifak, manuskrip, atau lukisan kepada Kerajaan atau Kerajaan Negeri – subseksyen 44(6A) ACP**

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan nilai hadiah seperti yang ditentukan oleh Jabatan Muzium Malaysia atau Arkib Negara.

5.2.3 **Hadiah wang untuk menyediakan kemudahan perpustakaan yang boleh diakses oleh orang awam atau kepada perpustakaan awam dan perpustakaan sekolah dan institusi pendidikan tinggi – subseksyen 44(8) ACP**

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah terhad kepada amaun maksimum berjumlah RM20,000 dengan syarat tuntutan bagi perbelanjaan yang sama tidak dibuat di bawah perenggan 34(6)*(g)* ACP dalam mengira pendapatan larasan daripada punca perniagaan.

5.2.4 **Hadiah wang atau sumbangan dalam bentuk barangan bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang kurang upaya - subseksyen 44(9) ACP**

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang atau sumbangan dalam bentuk barangan (nilainya seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkaitan).

5.2.5 **Hadiah wang atau kos atau nilai hadiah peralatan perubatan kepada mana-mana kemudahan jagaan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan – subseksyen 44(10) ACP**

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang atau kos atau nilai (sebagaimana yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan) apa-apa hadiah peralatan perubatan yang dihadkan kepada maksimum RM20,000.

5.2.6 **Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri – subseksyen 44(11) ACP**

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan nilai hadiah lukisan sebagaimana yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri berkenaan.

5.2.7 **Hadiah wang kepada mana-mana aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan – subseksyen 44(11B) ACP**

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang yang dibuat kepada mana-mana aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah amaun yang tidak melebihi perbezaan antara jumlah 10% daripada pendapatan agregat dan jumlah amaun yang telah dipotong menurut proviso kepada subseksyen 44(6), 44(11C) dan 44(11D) ACP.

Contoh 1

Rowers Extreme Team (RET) adalah sebuah kelab sukan aktiviti berkayak. Pada bulan Mac 2026, RET merancang untuk menganjurkan ekspedisi berkayak jelajah Terengganu dan bercadang untuk mendapatkan sumbangan dana bagi menjayakan ekspedisi ini. RET memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan bagi ekspedisi yang akan dianjurkan.

Sekiranya aktiviti sukan ini diberi kelulusan, apa-apa hadiah wang yang diberi kepada RET untuk menjayakan aktiviti ini layak mendapat potongan di bawah subseksyen 44(11B) ACP.

Walau bagaimanapun, amaun yang dibenarkan potongan tersebut tidak boleh melebihi perbezaan antara jumlah 10% daripada pendapatan agregat dan jumlah amaun yang telah dipotong menurut proviso kepada subseksyen 44(6), 44(11C), dan 44(11D) ACP bagi orang yang memberi sumbangan tersebut.

(Sila rujuk **Contoh 2** untuk penjelasan lanjut).

5.2.8 **Hadiah wang atau kos sumbangan dalam bentuk barangan kepada mana-mana projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan – subseksyen 44(11C) ACP**

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang atau kos sumbangan dalam bentuk barangan dengan syarat amaun tersebut tidak melebihi perbezaan antara jumlah 10% daripada pendapatan agregat dan jumlah amaun yang telah dipotong menurut proviso kepada subseksyen 44(6), 44(11B) dan 44(11D) ACP.

(Sila rujuk **Contoh 2** untuk penjelasan lanjut).

5.2.9 **Hadiah wang dalam bentuk wakaf atau endowmen – subseksyen 44(11D) ACP**

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah bersamaan dengan amaun hadiah wang dalam bentuk:

(a) wakaf kepada mana-mana pihak berkuasa agama yang sesuai yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama yang tersebut atau universiti awam yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama tersebut untuk menerima wakaf; atau

(b) endowmen kepada mana-mana universiti awam.

Potongan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada syarat berikut:

(i) wakaf atau endowmen yang dibuat adalah bagi tujuan mencapai objektif penubuhan pihak berkuasa agama yang sesuai, badan, atau universiti awam;

(ii) pihak berkuasa agama yang sesuai, badan, atau universiti awam tersebut hendaklah mendapat kelulusan daripada KPHDN bagi tujuan subseksyen 44(11D) ACP atas permohonan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai, badan, atau universiti awam tersebut; dan

(iii) amaun potongan hendaklah tidak melebihi perbezaan antara 10% pendapatan agregat dan jumlah amaun yang dipotong menurut proviso kepada subseksyen 44(6), 44(11B), dan 44(11C) ACP.

Bagi maksud potongan di bawah subseksyen 44(11D) ACP, "universiti awam" bermaksud institusi pendidikan tinggi bertaraf Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Universiti Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*].

Garis panduan yang berikut menetapkan prosedur permohonan untuk mendapatkan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP bagi wakaf dan endowmen :

(a) Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 Bagi Wakaf bertarikh 8/10/2020; dan

(b) Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 Bagi Endowmen bertarikh 6/10/2020.

Contoh 2

Pendapatan agregat Firdaus daripada Perniagaan FM Enterprise (perniagaan milik tunggal) bagi TT 2026 adalah RM220,000. Hadiah wang dan kos sumbangan yang dibuat oleh perniagaan itu dalam TT tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Hadiah wang kepada institusi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6)	12,000
Hadiah wang di bawah subseksyen 44(11B)	6,000
Hadiah wang atau sumbangan di bawah subseksyen 44(11C)	3,000
Hadiah wang di bawah subseksyen 44(11D)	5,000
Jumlah hadiah dan sumbangan	26,000

Sekatan ke atas hadiah wang atau kos sumbangan boleh ditentukan dengan menggunakan dua kaedah berikut:

Kaedah 1

(a) Sekatan ke atas hadiah wang di bawah proviso kepada subseksyen 44(6) ACP.

10% x RM220,000 = RM22,000

Oleh itu, hadiah wang sebanyak RM12,000 kepada institusi yang diluluskan layak mendapat potongan.

(b) Sekatan ke atas kos sumbangan di bawah proviso kepada subseksyen 44(11B), 44(11C), dan 44(11D) ACP.

10% daripada pendapatan agregat tolak potongan di bawah proviso kepada subseksyen 44(6) ACP.

= (10% x RM220,000) - RM12,000

= RM22,000 - RM12,000

= RM10,000

Oleh itu, Firdaus hanya dibenarkan potongan berjumlah RM10,000 daripada sumbangan di bawah subseksyen 44(11B), 44(11C) dan 44(11D) ACP iaitu seperti berikut:

	RM
Hadiah wang di bawah subseksyen 44(11B) ACP	6,000
Hadiah wang atau sumbangan di bawah subseksyen 44(11C) ACP	3,000
Hadiah wang di bawah subseksyen 44(11D) ACP (RM10,000 – RM6,000 – RM3,000) terhad kepada	1,000

Oleh itu, jumlah hadiah dan sumbangan yang boleh dibenarkan sebagai potongan ialah:

	RM
Hadiah wang di bawah subseksyen 44(6) ACP	12,000
Kos hadiah wang atau sumbangan di bawah subseksyen 44(11B) , 44(11C) dan 44(11D) ACP (RM6,000 + RM3,000 + RM1,000)	10,000
Jumlah hadiah wang dan kos sumbangan yang dibenarkan	22,000

Kaedah 2

Sekatan ke atas hadiah wang dan kos sumbangan di bawah proviso kepada subseksyen 44(6), 44(11B), 44(11C) dan 44(11D) ACP.

10% x RM220,000 = RM22,000

Oleh itu, daripada jumlah hadiah dan sumbangan sebanyak RM26,000, hanya RM22,000 sahaja yang boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah proviso kepada subseksyen 44(6), 44(11B), 44(11C), dan 44(11D) ACP dalam mengira jumlah pendapatan.

6. **Potongan yang Dibenarkan**

Seorang individu boleh membuat tuntutan ke atas potongan yang dibenarkan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 45A hingga 49 ACP dalam mengira pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

Terdapat dua jenis potongan iaitu:

(a) potongan yang tidak berdasarkan kepada perbelanjaan yang dilakukan tetapi potongan yang dibenarkan adalah suatu amaun tetap; dan

(b) potongan yang berdasarkan kepada perbelanjaan yang dilakukan dan dituntut oleh individu tetapi terhad kepada amaun yang dibenarkan.

Potongan ini hanya boleh dituntut oleh individu yang bermastautin di Malaysia sahaja. Penentuan taraf mastautin seorang individu adalah berdasarkan bilangan hari beliau berada di Malaysia dalam suatu tahun asas bagi suatu TT. Sila rujuk kepada KU No. 11/2017 bertajuk "Taraf Mastautin Individu" untuk maklumat lanjut.

Potongan yang boleh dituntut dan dibenarkan tolakan daripada jumlah pendapatan seorang individu bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi suatu TT dalam mengira pendapatan yang boleh dikenakan cukai adalah seperti berikut:

6.1 Diri dan saudara tanggungan

Perenggan 46(1)*(a)* ACP memperuntukkan potongan berjumlah RM9,000 dibenarkan kepada setiap individu yang mempunyai jumlah pendapatan dan ditaksir atas namanya sendiri.

6.2 Perbelanjaan rawatan perubatan, rawatan pergigian, pemeriksaan perubatan penuh (termasuk pemvaksinan), keperluan khas atau perbelanjaan penjaga bagi ibu bapa dan datuk nenek

6.2.1 Perenggan 46(1)*(c)* ACP memperuntukkan potongan sehingga RM8,000 dibenarkan kepada individu ke atas perbelanjaan yang dilakukan olehnya untuk rawatan perubatan, rawatan pergigian, pemeriksaan perubatan penuh, keperluan khas atau perbelanjaan penjaga bagi ibu bapa dan datuk neneknya.

6.2.2 Ibu bapa merujuk kepada ibu bapa kandung atau ibu bapa angkat jika individu itu adalah seorang anak angkat. Manakala, datuk dan nenek merujuk kepada ibu bapa kepada ibu bapa individu.

6.2.3 Perbelanjaan rawatan perubatan ibu bapa dan datuk nenek yang layak untuk potongan termasuk:

(a) rawatan perubatan dan perkhidmatan penjagaan yang disediakan oleh rumah penjagaan.

Skop rawatan perubatan bagi ibu bapa dan datuk nenek juga meliputi perbelanjaan atas rawatan perubatan dan penjagaan ibu bapa dan datuk nenek yang menghidap penyakit atau ketidakupayaan fizikal atau mental dan memerlukan rawatan tetap yang disahkan oleh pengamal perubatan yang layak yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia. Perakuan oleh pengamal perubatan diperlukan untuk mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa dan datuk nenek memerlukan rawatan perubatan, rawatan pergigian, pemeriksaan rawatan

penuh, keperluan khas, atau perkhidmatan penjagaan. Rawatan dan penjagaan ibu bapa dan datuk nenek termasuk rawatan dan penjagaan yang dijalankan di rumah atau di mana-mana pusat penjagaan.

Perbelanjaan yang layak yang berkaitan dengan rawatan dan penjagaan adalah seperti berikut:

(i) perbelanjaan rawatan perubatan yang dibuktikan dengan resit; atau

(ii) perbelanjaan keperluan khas untuk ibu bapa dan datuk nenek yang dibuktikan dengan resit sebagai bukti pembelian; atau

(iii) perbelanjaan upah penjaga ibu bapa dan datuk nenek yang dibuktikan dengan resit atau perakuan bertulis oleh penjaga atau salinan permit kerja penjaga. Penjaga warga negara asing yang diupah khas hendaklah memiliki visa yang sah/permit kerja khas untuk penjagaan ibu bapa dan datuk nenek individu. Upah yang dibayar kepada penjaga yang menjaga ibu bapa dan datuk nenek yang sihat secara fizikal dan mentalnya tidak layak untuk mendapat potongan di atas.

(b) rawatan pergigian merangkumi **semua jenis perbelanjaan pemeriksaan dan rawatan pergigian** termasuk mencabut gigi, menampal gigi, membersihkan karang gigi, gigi palsu, rawatan akar, rawatan untuk menggantikan gigi dan membaik pulih gigi. Rawatan pergigian yang dilakukan di Malaysia mestilah diperakukan oleh pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia dan dibuktikan dengan resit rasmi; dan

(c) pemeriksaan perubatan penuh untuk ibu bapa dan datuk nenek termasuk pemvaksinan adalah terhad kepada RM1,000. Mulai TT 2026, skop pemvaksinan yang layak mendapat pelepasan cukai hendaklah vaksin yang didaftarkan dan diluluskan penggunaannya oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Contoh 3

Zubir adalah seorang pekerja di sebuah syarikat swasta. Berikut adalah tuntutan perbelanjaan yang dilakukan oleh beliau dalam tahun 2026:

Jenis perbelanjaan	Amaun yang dibelanjakan (RM)	Amaun tuntutan yang layak (RM)
Rawatan perubatan datuk dan nenek di hospital swasta	4,500	4,500
Rawatan gigi ibu bapa di klinik pergigian swasta	1,000	1,000
Pemvaksinan ibu bapa dan datuk nenek	2,800	1,000 (Terhad)
Jumlah perbelanjaan	**8,300**	**6,500**

Perbelanjaan rawatan pergigian dan pemeriksaan perubatan penuh untuk ibu bapa dibenarkan potongan cukai berkuat kuasa mulai TT 2024.

Mulai TT 2025, rawatan perubatan, rawatan pergigian, pemeriksaan perubatan penuh (termasuk pemvaksinan), keperluan khas atau perbelanjaan penjaga bagi ibu bapa diperluaskan kepada datuk dan nenek individu.

6.2.4 Walau bagaimanapun, potongan seperti dinyatakan dalam perenggan 6.2 KU ini adalah tertakluk kepada syarat berikut:

(a) penjaga kepada ibu bapa dan datuk nenek hendaklah tidak termasuk individu, isteri atau suami atau anak individu tersebut;

(b) ibu bapa atau datuk nenek adalah bermastautin di Malaysia;

(c) rawatan perubatan, rawatan pergigian, pemeriksaan perubatan penuh dan perkhidmatan penjagaan hendaklah disediakan di Malaysia; dan

(d) pengamal perubatan atau pengamal pergigian hendaklah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia atau Majlis Pergigian Malaysia.

6.2.5 Senarai keperluan khas iaitu termasuk peralatan perubatan yang layak mendapat potongan adalah seperti di **Lampiran**. Walau bagaimanapun, senarai tersebut tidak menyeluruh dan boleh meliputi peralatan lain yang ditentukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.

6.3 Perbelanjaan peralatan sokongan asas untuk orang kurang upaya

6.3.1 Perenggan 46(1)*(d)* ACP memperuntukkan potongan sehingga RM6,000 adalah dibenarkan kepada individu atau pasangan yang telah melakukan perbelanjaan membeli mana-mana peralatan sokongan asas yang diperlukan untuk kegunaan:

(a) individu itu, jika dia kurang upaya;

(b) pasangannya, jika pasangan kurang upaya;

(c) anak, jika anak kurang upaya; atau

(d) ibu bapa individu, jika ibu bapa kurang upaya.

6.3.2 Peralatan sokongan asas termasuk mesin haemodialysis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi tidak termasuk cermin mata dan kanta lekap.

Pembelian peralatan sokongan asas untuk individu yang kurang upaya yang tidak berdaftar dengan JKM adalah tidak dibenarkan sebagai potongan.

Contoh 4

Megat kehilangan kaki kanannya dalam satu kemalangan dan membeli sebuah kerusi roda untuk kegunaannya. Megat tidak berdaftar dengan JKM sebagai seorang yang kurang upaya.

Megat tidak layak menuntut potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan untuk membeli kerusi roda kerana Megat tidak berdaftar dengan JKM sebagai seorang yang kurang upaya.

6.4 Individu kurang upaya

6.4.1 Perenggan 46(1)*(e)* ACP membenarkan potongan tambahan sebanyak RM7,000 sekiranya individu itu ialah seorang yang kurang upaya.

6.4.2 Individu layak menuntut potongan ini sekiranya beliau telah disahkan secara bertulis oleh JKM sebagai seorang yang kurang upaya.

6.5 **Yuran pengajian individu**

6.5.1 Perenggan 46(1)*(f)* ACP memperuntukkan potongan sehingga RM7,000 adalah dibenarkan kepada individu ke atas yuran yang dibelanjakan oleh individu itu bagi mengikuti mana-mana bidang pengajian yang diambil olehnya –

(a) bertujuan untuk mendapat kelayakan atau kemahiran dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan islam, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi sehingga ke peringkat ijazah dalam mana-mana institusi atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau diluluskan oleh Menteri;

(b) di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah bertujuan untuk mendapatkan kelayakan atau kemahiran, dalam mana-mana institusi atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau diluluskan oleh Menteri; atau

(c) mana-mana kursus pengajian yang diambil bagi tujuan *up skilling* atau *self-enhancement* dan kursus tersebut dikendalikan oleh suatu badan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006. [*Akta 652*]. Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah terhad kepada amaun maksimum RM2,000 bagi TT 2023 hingga TT 2026 masing-masing.

6.5.2 “Kemahiran saintifik” bermaksud pengajian mengenai alam semula jadi atau tabiat ke atas bahan dan alam semesta seperti mana-mana bidang biologi, fizik, kimia, matematik, teknologi maklumat, kejuruteraan, atau perubatan.

6.5.3 Pengajian bagi peringkat tertiari (sehingga peringkat ijazah), Sarjana atau Doktor Falsafah hendaklah diambil di institusi atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri.

Bagi bidang pengajian kewangan Islam, kursus pengajian hendaklah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti dan boleh diambil di mana-mana institusi atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau diluluskan oleh Menteri Kewangan, termasuk di *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF).

6.5.4 Senarai institusi tempatan atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau diluluskan oleh Menteri Kewangan boleh didapati di laman rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi https://www.mohe.gov.my.

6.5.5 Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) adalah agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi menyelaras dan mengawal pelaksanaan sistem latihan kemahiran. Maklumat lanjut berkaitan latihan kemahiran boleh diperolehi di portal rasmi JPK di https://www.dsd.gov.my.

Contoh 5

Lieza adalah seorang pegawai yang berkhidmat di Arkib Negara dan mengikuti pengajian dalam bidang arkeologi di peringkat Sarjana di sebuah universiti tempatan. Beliau membayar yuran pengajian sebanyak RM2,000 setiap tahun mulai tahun 2024 dan menamatkan pengajian pada April 2026.

Lieza kemudiannya mengambil keputusan untuk menyambung pengajiannya ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang yang sama pada Julai 2026. Beliau membayar yuran pengajian sebanyak RM3,500 dalam tahun 2026 dan menuntut potongan bagi yuran berkenaan.

Yuran sebanyak RM2,000 yang dibayar dalam TT 2024 dan 2025 dan RM5,500 (RM2,000 + RM3,500) yang dibayar dalam TT 2026 masing-masing layak mendapat potongan di bawah perenggan 46(1)*(f),* ACP.

Contoh 6

Fakta sama seperti **Contoh 5.**

Disebabkan kekangan kewangan, Lieza membuat keputusan untuk tidak meneruskan pengajiannya ke peringkat Doktor Falsafah dalam tahun 2026 .

Amaun sebanyak RM3,500 yang telah dibayar dalam tahun 2026 tidak dibenarkan sebagai potongan kerana Lieza tidak meneruskan pengajiannya di peringkat Doktor Falsafah.

Contoh 7

Razif mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda dalam bidang Kewangan Islam di sebuah universiti tempatan dan berjaya menamatkan pengajian pada Ogos 2026. Pada Oktober dalam tahun

yang sama, beliau menyambung pengajian dalam bidang yang sama di peringkat Sarjana di universiti yang sama. Dalam tahun 2026, Razif membayar yuran pengajian berjumlah RM8,500 (iaitu RM3,000 bagi kursus di peringkat Sarjana Muda dan RM5,500 di peringkat Sarjana).

Walaupun yuran kursus untuk kedua-dua pengajian layak untuk diberi potongan, Razif hanya dibenarkan potongan maksimum sebanyak RM7,000 dalam TT 2026.

6.6 **Perbelanjaan perubatan untuk penyakit serius, rawatan kesuburan, vaksinasi dan pemeriksaan atau rawatan pergigian.**

6.6.1 Perenggan 46(1)*(g)* ACP memperuntukkan potongan sehingga RM10,000 ke atas amaun yang dibelanjakan oleh individu iaitu:

(a) bagi rawatan penyakit serius ke atas dirinya, atau isterinya atau anaknya, atau bagi seorang isteri, ke atas dirinya atau suaminya atau anaknya. Rujuk di perenggan 6.6.2.

(b) bagi menjalani rawatan kesuburan ke atas dirinya, atau isterinya atau bagi seorang isteri ke atas dirinya atau suaminya. Rujuk di perenggan 6.6.3.

(c) bagi vaksinasi ke atas dirinya, isterinya atau anaknya atau bagi seorang isteri ke atas dirinya, suaminya atau anaknya. Rujuk di perenggan 6.6.4. Perbelanjaan adalah terhad kepada amaun RM1,000.

(d) bagi pemeriksaan atau rawatan pergigian ke atas dirinya, atau isterinya atau anaknya, atau bagi seorang isteri, ke atas dirinya atau suaminya atau anaknya. Perbelanjaan adalah terhad kepada amaun RM1,000.

6.6.2 Bagi tujuan potongan ini, “penyakit serius” bermaksud sindrom kurang daya ketahanan (AIDS), penyakit Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Garis Panduan Berkenaan Dengan Jenis Penyakit Serius Bagi Maksud Perenggan 46(1)(*g*) ACP 1967 yang boleh diperoleh daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

6.6.3 Tuntutan bagi rawatan kesuburan hanya layak dituntut oleh individu berkahwin. ‘Rawatan kesuburan’ bermaksud *Intrauterine Insemination* (IUI) atau *In Vitro Fertilization* (IVF) atau apa-apa rawatan kesuburan lain. Selain itu, bayaran konsultasi dan ubat-

ubatan juga merupakan sebahagian daripada rawatan kesuburan bagi maksud menuntut potongan ini.

6.6.4 Suntikan vaksin yang layak kepada potongan meliputi **semua jenis vaksin** yang didaftarkan dan diluluskan penggunaannya oleh NPRA, KKM. Senarai vaksin yang didaftar dan diluluskan penggunaannya boleh diperoleh di laman web rasmi NPRA. Antara vaksin yang termasuk dalam skop pelepasan ini adalah Vaksin Denggi, *Typhoid, Measles, Rubella*, *Hepatitis* A & B serta *Yellow Fever*.

6.6.5 Berikut adalah jadual perbelanjaan rawatan perubatan berdasarkan amaun yang layak mengikut tahun taksiran:

Jenis perbelanjaan perubatan	**Perbelanjaan yang layak (RM)**					
	TT 2015 hingga TT 2019	**TT 2020**	**TT 2021**	**TT 2022**	**TT 2023**	**TT 2024 dan seterusnya**
Penyakit serius	√	√	√	√	√	√
Rawatan kesuburan	-	√	√	√	√	√
Vaksinasi	-	-	Terhad 1,000	Terhad 1,000	Terhad 1,000	Terhad 1,000
Rawatan atau pemeriksaan pergigian	-	-	-	-	-	Terhad 1,000
Jumlah perbelanjaan dibenarkan	**6,000**	**6,000**	**8,000**	**8,000**	**10,000**	**10,000**

6.6.6 Tuntutan bagi perbelanjaan perubatan mesti dibuktikan dengan resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia yang mengesahkan bahawa rawatan penyakit serius telah diberikan kepada individu tersebut, pasangannya, atau anaknya, atau rawatan kesuburan telah diberikan kepada individu atau pasangan. Bagi pemeriksaan dan rawatan pergigian, tuntutan hendaklah dibuktikan dengan resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

Contoh 8

Dalam tahun 2026, kos rawatan penyakit leukemia yang dihidapi oleh Jasmine berjumlah RM14,000. Daripada jumlah tersebut, Jasmine membayar sejumlah RM10,000 dan suaminya, Isaac membayar bakinya sebanyak RM4,000 dan resit berasingan telah dikeluarkan atas nama Jasmine dan Isaac. Isaac dan Jasmine masing-masing ditaksir secara berasingan dalam TT 2026.

Bagi TT 2026, Jasmine dibenarkan potongan perbelanjaan perubatan yang dibayar olehnya RM10,000 manakala Isaac dibenarkan potongan RM4,000 untuk rawatan penyakit serius isterinya.

Contoh 9

Fahim dan isterinya Anita telah berkahwin selama 10 tahun dan mereka tidak mempunyai anak. Dalam tahun 2026, kedua-dua mereka telah menjalani rawatan *In Vitro Fertilization* (IVF) untuk mendapatkan zuriat di Hospital Pakar Wanita. Kos rawatan sebanyak RM20,000 ditanggung oleh kedua-duanya tetapi resit dikeluarkan atas nama Fahim. Fahim dan Anita membuat taksiran berasingan yang mana setiap daripada mereka menuntut RM10,000 sebagai potongan berhubung rawatan ini dalam pengiraan cukai pendapatan masing-masing.

Jumlah potongan yang boleh dituntut bagi TT 2026 adalah seperti berikut:

	Amaun dibelanjakan (RM)	**Potongan dibenarkan (RM)**
Fahim	10,000	10,000 (Terhad)
Anita	10,000	Tidak layak

Anita tidak layak menuntut potongan ini kerana resit dikeluarkan atas nama suaminya walaupun Anita juga melakukan perbelanjaan tersebut.

Contoh 10

Fakta adalah sama seperti di **Contoh 9 kecuali** resit telah dikeluarkan secara berasingan atas nama Fahim dan Anita iaitu masing-masing sebanyak RM10,000. Dalam tahun 2026, Anita menuntut amaun ini daripada majikannya dan pihak majikan telah

membayar RM5,000 kepadanya. Amaun RM5,000 telah dilaporkan sebagai manfaat berupa barangan dalam penyata pendapatan Anita. Anita dan Fahim layak menuntut potongan atas perbelanjaan ini kerana kedua-duanya mempunyai resit sebagai bukti perbelanjaan telah dilakukan. Potongan yang dibenarkan adalah masing-masing terhad kepada amaun maksimum RM10,000.

Contoh 11

Dalam tahun 2026, Azli telah membelanjakan RM12,000 atas rawatan kesuburan yang dijalani oleh isterinya di Hospital Pakar Wanita dan resit dikeluarkan atas nama Azli. Azli juga melakukan perbelanjaan sebanyak RM6,000 atas rawatan penyakit serius yang dialami oleh anaknya. Azli menuntut potongan ke atas semua perbelanjaan perubatan yang dilakukannya.

Jumlah potongan bagi perbelanjaan perubatan yang boleh dituntut oleh Azli bagi TT 2026 adalah seperti berikut:

Jenis perbelanjaan perubatan	**Amaun dibelanjakan (RM)**	**Potongan dibenarkan (RM)**
Penyakit serius	6,000	10,000 (Terhad)
Rawatan kesuburan	12,000	

Contoh 12

Dalam tahun 2026, Nina telah membelanjakan sebanyak RM15,000 atas rawatan kesuburan *In Vitro Fertilisation* (IVF) yang dijalankan ke atasnya di sebuah hospital pakar. Beliau telah memilih untuk ditaksir bersama suaminya dan cukai ditaksir atas nama suaminya, Syahmi. Syahmi boleh menuntut perbelanjaan perubatan atas rawatan kesuburan tersebut terhad kepada RM10,000 kerana perbelanjaan tersebut adalah disifatkan dilakukan olehnya.

Contoh 13

Dalam tahun 2026, Khadijah telah membuat perbelanjaan untuk diri sendiri dan anak-anak beliau seperti berikut:

Jenis perbelanjaan	Amaun dibelanjakan (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
Vaksin influenza (anak)	500	500
Pemeriksaan dan rawatan pergigian (anak)	1,400	1,000 (terhad)
Penyakit serius (diri)	5,000	5,000
Jumlah perbelanjaan	**6,900**	**6,500**

Khadijah hanya layak menuntut sehingga RM6,500 daripada perbelanjaannya disebabkan tuntutan perbelanjaan pemeriksaan dan rawatan pergigian adalah terhad kepada RM1,000 sahaja.

6.7 **Perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh, pemeriksaan kesihatan mental, ujian pengesanan penyakit dan pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan kendiri**

6.7.1 Perenggan 46(1)*(h)* ACP memperuntukkan potongan sehingga RM1,000 kepada individu ke atas perbelanjaan yang dilakukan untuk dirinya, pasangannya, atau anaknya bagi:

(a) pemeriksaan perubatan penuh;

(b) fi bayaran ujian pengesanan penyakit;

(c) pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan kendiri yang didaftarkan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 [*Akta 737*];

(d) pemeriksaan kesihatan mental atau rundingan.

6.7.2 Bagi TT 2021, amaun berjumlah RM1,000 ini adalah sebahagian daripada amaun potongan berjumlah RM8,000 yang boleh dibenarkan untuk perbelanjaan perubatan di bawah perenggan 46(1)*(g)* ACP.

6.7.3 Mulai TT 2023, amaun RM1,000 ini adalah sebahagian daripada amaun potongan berjumlah RM10,000 yang boleh dibenarkan di bawah perenggan 46(1)(*g*) ACP.

6.7.4 "Pemeriksaan perubatan penuh" bermaksud pemeriksaan perubatan secara menyeluruh sepertimana yang ditakrifkan oleh Majlis Perubatan Malaysia yang termasuk -

(a) pemeriksaan fizikal seperti pemeriksaan mata, telinga, hidung, kerongkong, leher, dada, jantung, payudara, abdomen, tangan, kaki, pemeriksaan berat badan, tekanan darah;

(b) pemeriksaan x-ray;

(c) ujian darah dan ujian urin; dan

(d) perbincangan dengan pakar perubatan yang menjalankan pemeriksaan berhubung dengan hasil pemeriksaan.

Seseorang yang menjalani ujian makmal seperti ujian darah, analisa urin, dan pemeriksaan x-ray tidak layak mendapat potongan kerana ujian sedemikian tidak boleh dikategorikan sebagai pemeriksaan perubatan penuh.

6.7.5 Pemeriksaan kesihatan mental atau konsultasi ke atas individu, pasangannya, atau anaknya hendaklah diperoleh daripada -

(a) pakar psikiatri dalam erti seksyen 2 di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [*Akta 615*];

(b) ahli psikologi klinikal yang berdaftar di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [*Akta 774*]; atau

(c) kaunselor yang berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 [*Akta 580*].

Perbelanjaan bagi pemeriksaan kesihatan mental atau konsultasi hendaklah dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan oleh klinik pakar psikiatri/psikologi atau kaunselor seperti yang tersebut di atas, yang mana perkhidmatan diterima.

Contoh 14

John telah melakukan pemeriksaan kesihatan dalam tahun 2026 kerana mengalami kemurungan setelah dicutikan tanpa gaji oleh majikan beliau. Beliau telah mendapatkan rawatan konsultasi di sebuah klinik psikologi yang berdaftar dengan caj bayaran sebanyak RM800. Dalam tahun yang sama, John juga telah menjalani pemeriksaan perubatan penuh dengan caj sebanyak RM800.

Amaun yang layak dituntut oleh John di bawah perenggan 46(1)*(h)* ACP bagi tahun TT 2026 adalah terhad kepada RM1,000.

6.7.6 Bayaran fi bagi ujian pengesanan penyakit:

(a) ujian yang dijalankan di klinik atau hospital;

(b) ujian pengesanan seperti ujian darah, *ultrasound*, mamogram, *pap smear*, termasuk virus *influenza* dan COVID-19; dan

(c) perbelanjaan hendaklah dibuktikan oleh resit yang dikeluarkan oleh hospital atau klinik atau pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.

6.7.7 Pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan kendiri:

(a) pembelian peralatan pemeriksaan seperti *oximeter* nadi, mesin pemantau tekanan darah, termometer termasuk kit pengesanan kendiri bagi virus *influenza* dan COVID-19;

(b) pembelian peralatan yang didaftarkan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 dan yang tidak digunakan bagi tujuan perniagaannya sendiri; dan

(c) perbelanjaan hendaklah dibuktikan dengan resit.

Contoh 15

Shanti membeli kit ujian kendiri COVID-19 untuk kegunaan sendiri dan anak-anak berjumlah RM120 dalam tahun 2026. Suami Shanti, Kumar juga membeli kit ujian kendiri berjumlah RM80 dalam tahun yang sama. Shanti memilih untuk pendapatannya ditaksir bersama dengan pendapatan suaminya. Amaun yang dibelanjakan oleh Shanti dianggap dibelanjakan oleh suaminya. Kumar layak menuntut perbelanjaan pembelian kit ujian kendiri COVID-19 sebanyak RM200 di bawah perenggan 46(1)*(h)* ACP.

Contoh 16

Diana mempunyai seorang anak yang menghidap penyakit buah pinggang. Dalam tahun 2026, Diana telah membelanjakan RM12,500 untuk kos perubatan dan suntikan tambahan vaksin (RM500) bagi anaknya. Dalam tahun yang sama, Diana membelanjakan sebanyak RM750 untuk menjalani pemeriksaan perubatan penuh di sebuah hospital swasta di Seremban yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.

Dia diminta untuk menjalani *Rapid Molecular PCR Test* untuk mengesan virus COVID-19 sebelum pemeriksaan penuh kesihatan dijalankan. Kos bagi ujian tersebut adalah RM300.

Diana telah menuntut pelepasan rawatan perubatan di bawah perenggan 46(1)*(g)* ACP sebanyak RM12,500 bagi perbelanjaan rawatan perubatan anaknya. Potongan dibenarkan terhad kepada maksimum RM10,000. Diana juga layak menuntut bagi perbelanjaan pemeriksaan perubatan penuh dan perbelanjaan bagi ujian pengesanan COVID-19, namun terhad kepada RM1,000. Walau bagaimanapun, tuntutan perbelanjaan yang dilakukan oleh Diana adalah tertakluk kepada perenggan 46(1)*(g)* dan perenggan 46(1)*(h)* ACP.

Jenis perbelanjaan perubatan	**Amaun yang dibelanjakan (RM)**	**Potongan dibenarkan (RM)**
Perubatan penyakit serius dan suntikan tambahan vaksin	12,500	10,000 (terhad)
Pemeriksaan penuh kesihatan	750	
Rapid Molecular PCR Test	300	
Jumlah perbelanjaan	13,550	

Contoh 17

Dalam tahun 2026, Jasmin telah membuat perbelanjaan untuk diri sendiri dan anak-anak beliau seperti berikut –

Bil.	Jenis Perbelanjaan	Amaun dibelanjakan (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
1.	Penyakit serius	9,000	9,000
2.	Ujian mamogram (diri)	200	200
3.	Pembelian *oximeter* nadi dan mesin pemantau tekanan darah	700	700
4.	Pembelian kit pengesanan kendiri bagi COVID-19 dan influenza (anak)	400	100
Jumlah perbelanjaan		**10,300**	**10,000 (terhad)**

Nota: Potongan yang dibenarkan bagi pembelian oximeter nadi dan mesin pemantau tekanan darah dan kit pengesanan kendiri bagi COVID-19 dan influenza (anak) adalah terhad kepada RM1,000.

6.7.8 Berikut jadual ringkasan perbelanjaan rawatan perubatan berdasarkan amaun yang layak dituntut mengikut TT –

Jenis perbelanjaan perubatan	Perbelanjaan yang layak (RM)						
	TT 2015 hingga TT 2019	TT 2020	TT 2021	TT 2022	TT 2023	TT 2024	TT 2025 dan seterusnya
Pemeriksaan perubatan penuh	Terhad 500	Terhad 500	Terhad 1,000	Terhad 1,000	Terhad 1,000	Terhad 1,000	Terhad 1,000
Ujian Covid-19	-	-					
Pemeriksaan kesihatan mental	-	-	-				
Bayaran fi ujian pengesanan penyakit	-	-	-	-	-	-	
Pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan kendiri	-	-	-	-	-	-	

6.8 Perbelanjaan rawatan program intervensi awal atau pemulihan bagi anak kurang upaya pembelajaran

6.8.1 Perenggan 46(1)(*ha*) ACP memperuntukkan potongan sehingga RM10,000 dibenarkan ke atas amaun yang dibelanjakan oleh individu ke atas anaknya yang berkaitan dengan penilaian bagi tujuan diagnosis, program intervensi awal atau rawatan pemulihan untuk ketidakupayaan pembelajaran berikut–

(a) *Autism Spectrum Disorder*;

(b) *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD);

(c) *Global Developmental Delay* (GDD);

(d) *Intellectual Disability*;

(e) *Down Syndrome*; dan

(f) *Specific Learning Disability*

6.8.2 Individu hendaklah merupakan ibu bapa yang mempunyai anak yang disahkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia sebagai kurang upaya pembelajaran dan berumur 18 tahun dan ke bawah.

6.8.3 Program intervensi awal atau rawatan pemulihan untuk kurang upaya pembelajaran yang dijalankan oleh pengamal kesihatan bersekutu dalam bidang kurang upaya yang berdaftar dengan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM) di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (APKB) [*Akta 774*].

Tuntutan hendaklah dibuktikan seperti berikut:

(a) penilaian bagi tujuan diagnosis – resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau

(b) program intervensi awal atau rawatan pemulihan – resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal profesion kesihatan bersekutu yang berdaftar dengan MPKBM di bawah APKB.

6.8.4 Amaun yang layak dituntut yang menjadi sebahagian daripada amaun potongan RM10,000 di bawah perenggan 46(1)*(g)* ACP adalah:

TT	Amaun Potongan (RM)
Mulai 2025	6,000
2026	10,000

6.8.5 Jika kedua-dua suami dan isteri telah membuat bayaran untuk program intervensi awal atau pemulihan untuk anak yang sama dan mereka memilih taksiran berasingan, potongan cukai di bawah perenggan 46(1)*(ha)* ACP boleh dituntut oleh kedua-dua suami dan isteri dengan syarat resit yang berlainan dikeluarkan kepada suami dan isteri bagi jumlah yang ditanggung oleh masing-masing.

6.8.6 Sekiranya suami dan isteri bercerai, potongan cukai boleh dituntut oleh bekas suami dan bekas isteri jika mereka bersama-sama membuat pembayaran untuk program intervensi awal atau pemulihan anak kurang upaya pembelajaran. Ia dibenarkan dengan

syarat resit yang berasingan telah dikeluarkan kepada bekas suami dan bekas isteri untuk jumlah yang ditanggung oleh masing-masing.

Contoh 18

Anis seorang ibu tunggal yang mempunyai 2 orang anak. Anak keduanya yang berusia 3 tahun telah disahkan oleh pengamal perubatan sebagai anak autisme. Dalam tahun 2026, perbelanjaan rawatan intervensi awal dan pemulihan bagi anak ini ditanggung sepenuhnya oleh Anis. Beliau juga membuat perbelanjaan lain bagi anak sulungnya yang berusia 5 tahun seperti berikut:

Perbelanjaan	**Amaun dibelanjakan (RM)**	**Potongan dibenarkan (RM)**
Vaksin influenza (perenggan 46(1)*(g)*) ACP	300	300
Rawatan intervensi awal atau pemulihan (perenggan 46(1)*(ha)*) ACP	11,000	10,000 (Terhad)
Jumlah perbelanjaan	**11,300**	**10,300 (Terhad 10,000)**

Setiap perbelanjaan di atas dibuktikan dengan resit dan perakuan sebagaimana yang disyaratkan. Bagi tujuan pelepasan, Anis hanya layak menuntut RM10,000 daripada jumlah perbelanjaan bagi rawatan intervensi awal dan pemulihan disebabkan tuntutan pelepasan perbelanjaan rawatan intervensi awal dan pemulihan adalah terhad kepada RM10,000 sahaja.

Contoh 19

Fakta sama seperti di **Contoh 18** kecuali dalam tahun 2026, Anis juga telah mendapatkan rawatan penyakit serius untuk dirinya sendiri.

Perbelanjaan	Amaun dibelanjakan (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
Rawatan penyakit serius (perenggan 46(1)(*g*) ACP)	9,800	9,800
Vaksin influenza (perenggan 46(1)*(g)*) ACP)	300	300
Rawatan intervensi awal dan pemulihan (perenggan 46(1)*(ha)*) ACP)	11,000	10,000 (Terhad)
Jumlah Perbelanjaan	**21,100**	**20,100 (Terhad kepada 10,000)**

Bagi tujuan pelepasan, Anis hanya layak menuntut RM10,000 daripada jumlah perbelanjaan beliau. Tuntutan pelepasan perbelanjaan rawatan intenvensi awal dan pemulihan adalah tidak layak dituntut memandangkan jumlah maksimum bagi tuntutan di bawah perenggan 46(1)*(g)* ACP telah dituntut sepenuhnya.

Contoh 20

Peter dan Jill telah bercerai dengan hak penjagaan bersama anak lelaki mereka yang berumur 17 tahun yang mengalami sindrom *Down*. Sepanjang tahun 2026, kedua-dua bekas suami dan bekas isteri secara kolektif menanggung RM20,000 untuk rawatan pemulihan anak mereka yang merangkumi terapi pertuturan dan terapi cara kerja untuk remaja sindrom Down. Mereka masing-masing membayar untuk sesi rawatan yang berbeza untuk anak mereka dan mempunyai resit berasingan yang dikeluarkan di bawah nama masing-masing oleh pengamal kesihatan bersekutu yang berdaftar dengan MPKBM di bawah APKB. Peter menanggung sejumlah RM17,000 manakala Jill menanggung sejumlah RM3,000 untuk tahun 2026.

Bayaran perbelanjaan rawatan pemulihan	Amaun dibelanjakan (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
Peter (bekas suami) (perenggan 46(1)(*ha*) ACP)	17,000	10,000 (Terhad)
Jill (bekas isteri) (perenggan 46(1)(*ha*) ACP)	3,000	3,000

Contoh 21

Fakta sama seperti **Contoh 20.** Pada awal tahun 2027 Peter dan Jill telah berkahwin semula dan kembali sebagai suami isteri. Perbelanjaan rawatan pemulihan anak mereka dalam tahun 2027 adalah sama seperti tahun 2026. Peter dan Jill telah memilih taksiran bersama bagi TT 2027. Peter dan Jill layak menuntut perbelanjaan rawatan pemulihan anak lelaki mereka terhad RM10,000 sahaja.

6.9 Simpanan dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)

6.9.1 SSPN adalah satu skim menabung yang diperkenalkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). PTPTN ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 [*Akta 566*]. SSPN diperkenalkan untuk membolehkan ibu bapa menabung dan akhirnya membiayai pelajaran anak-anak ke institusi pengajian tinggi. Bagi menggalakkan individu menabung dalam akaun SSPN, perenggan 46(1)*(k)* ACP diperkenalkan untuk membenarkan potongan kepada individu yang membuat simpanan dalam skim tersebut.

6.9.2 Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah amaun simpanan bersih dalam tahun yang berkenaan yang terhad kepada amaun maksimum mengikut TT seperti berikut:

TT	Had maksimum amaun simpanan bersih (RM)
2012 – 2018	6,000
2019 – 2027	8,000

Amaun simpanan bersih adalah jumlah simpanan yang dibuat dalam suatu tahun ditolak dengan jumlah pengeluaran yang dibuat dalam tahun tersebut.

6.9.3 Mulai TT 2025 hingga TT 2027, potongan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada syarat berikut:

(a) suami isteri yang memilih taksiran secara berasingan bagi suatu TT, potongan hanya boleh dituntut sama ada oleh suami atau isteri yang membuat simpanan dalam tabung SSPN dengan had tuntutan maksimum sebanyak RM8,000;

(b) pengeluaran daripada tabung SSPN untuk tujuan pembiayaan kos pendidikan anak yang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi (peringkat diploma dan ke atas) tidak diambil kira dalam pengiraan tabungan bersih bagi tahun asas tersebut;

(c) had maksimum tuntutan RM8,000 adalah terpakai walaupun seorang individu mempunyai lebih daripada seorang anak.

6.9.4 Berikut adalah syarat bagi tuntutan potongan ke atas simpanan bersih tabung SSPN:

Bil.	Kategori	Jenis taksiran	Siapa layak menuntut dan amaun yang layak
1.	Suami Isteri	Berasingan	Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada yang dibelanjakan maksimun RM8,000)
		Bersama atas nama suami atau atas nama suami	Perbelanjaan pasangan disifatkan dibelanjakan oleh suami/isteri dan terhad kepada amaun yang dibelanjakan dan terhad kepada RM8,000
2.	Pasangan bercerai	Diri sendiri	Ibu **dan** bapa layak menuntut amaun yang dibelanjakan terhad kepada RM8,000.

Contoh 22

Arif dan isterinya, Lisa telah membuka akaun SSPN untuk anak mereka sejak berumur 12 tahun. Setiap tahun Arif dan isterinya masing-masing membuat simpanan RM8,000 tanpa sebarang pengeluaran.

Dalam tahun 2026, Arif membuat simpanan sebanyak RM8,000 ke akaun tersebut dan mengeluarkan RM3,000 dari akaun tersebut bagi tujuan yuran pendaftaran anaknya ke universiti. Lisa juga membuat simpanan RM8,000 dalam tahun 2026 dan membuat pengeluaran RM2,000 bagi tujuan kos perubatannya.

Kedudukan akaun SSPN anak Arif adalah seperti berikut:

Butiran	**Tahun**			
	2025 (RM)		**2026 (RM)**	
	Deposit Arif	**Deposit Lisa**	**Deposit Arif**	**Deposit Lisa**
Simpanan	8,000	8,000	8,000	8,000
Tolak: Pengeluaran	Tiada	Tiada	3,000 (yuran pendaftaran universiti)	2,000 (kos perubatan)
Baki	**8,000**	**8,000**	**5,000**	**6,000**

Potongan untuk simpanan dalam akaun SSPN yang layak dituntut oleh Arif dan Lisa adalah seperti berikut:

TT 2025:

Arif atau Lisa layak menuntut RM8,000 (maksimum).

TT 2026:

a) Sekiranya Arif dan Lisa memilih **ditaksir secara berasingan** maka hanya seorang sahaja layak menuntut terhad kepada amaun di bawah:

Arif : RM8,000 (maksimum); **atau**

Lisa : RM6,000 (RM8,000 – RM2,000).

Hanya seorang sahaja layak menuntut pelepasan bagi SSPN terhad kepada amaun yang dibelanjakan.

b) Sekiranya Arif atau Lisa memilih **taksiran bersama,** perbelanjaan pasangan ini disifatkan dibelanjakan oleh Arif atau Lisa terhad kepada RM8,000 (maksimum).

Contoh 23

Fakta sama seperti **Contoh 22.**

Dalam tahun 2026, Arif dan Lisa telah bercerai. Arif dan Lisa masing-masing layak menuntut amaun deposit caruman SSPN terhad kepada amaun yang dibelanjakan dan maksimum RM8,000 setiap seorang.

6.9.5 Akaun SSPN boleh dibuka oleh ibu bapa untuk anak-anak yang berumur 18 tahun dan ke bawah dan mengekalkan akaun tersebut sehingga anak mencapai umur 29 tahun. Simpanan yang dibuat oleh ibu bapa ke akaun ini sehingga anak mencapai umur 29 tahun boleh dibenarkan sebagai potongan. Bagi anak-anak yang berumur 18 tahun ke atas, mereka mempunyai pilihan sama ada untuk membuka akaun atas namanya sendiri atau atas nama ibu bapa. Sekiranya akaun dibuka atas nama anak, anak tidak layak menuntut potongan atas simpanan yang dibuat dalam akaun tersebut kerana potongan di bawah perenggan 46(1)*(k)* ACP hanya layak diberi kepada pendeposit yang merupakan ibu bapa atau penjaga yang sah. Ibu bapa juga tidak layak diberi potongan kerana mereka bukan pendeposit akaun itu apabila ia dibuka atas nama anak.

6.10 Sumbangan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

6.10.1 Perenggan 46(1)*(n)* ACP membenarkan suatu potongan peribadi kepada seorang individu ke atas sumbangan yang dibuat atau ditanggung oleh individu tersebut dalam tahun asas kepada PERKESO mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*] atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [*Akta 800*].

6.10.2 Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah terhad kepada maksimum RM350.

6.11 Pelepasan gaya hidup

6.11.1 Perenggan 46(1)*(p)* ACP memperuntukkan potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh seorang individu untuk kegunaan diri sendiri, pasangan, atau anak dalam suatu tahun asas bagi :

(a) pembelian buku, jurnal, majalah, surat khabar, dan lain-lain penerbitan yang serupa bagi tujuan mempertingkatkan pengetahuan. Buku termasuk buku teks sekolah, e-buku, terbitan berkala, komik sama ada dibeli di Malaysia atau di luar negeri tetapi tidak termasuk bacaan terlarang seperti majalah lucah. Pembelian e-buku secara dalam talian juga dibenarkan sebagai potongan.

(b) pembelian komputer peribadi, telefon pintar (*smart phone*), atau tablet (yang bukan digunakan untuk tujuan perniagaan) untuk kegunaan diri sendiri, pasangan, atau anak. Caj tambahan jaminan (*warranty)* tidak diambil kira sebagai potongan di bawah perenggan ini;

(c) bayaran bil bulanan bagi langganan internet yang didaftarkan atas nama individu untuk kegunaan diri, pasangan atau anak.

6.11.2 Berkuatkuasa mulai TT 2024, pelepasan gaya hidup telah diperluaskan kepada perbelanjaan bagi bayaran yuran kursus peningkatan kemahiran diri (*self-enrichment*) selain daripada kursus di bawah subperenggan 46(1)(*f)(iii)* ACP.

Perbelanjaan ini adalah dibenarkan sebagai tuntutan pelepasan cukai di bawah perenggan 46(1)(*p*) ACP dan terhad untuk individu berkenaan sahaja.

Kursus berkenaan tidak perlu berdaftar atau diiktiraf oleh mana-mana badan kerajaan. Resit yang dikeluarkan oleh penyedia kursus sebagai bukti perbelanjaan adalah memadai.

Kursus yang diambil mestilah kursus yang mengggalakkan individu mempelajari kemahiran yang **tidak berkaitan** dengan pekerjaannya seperti kursus yang berkaitan hobi, keagamaan, bahasa dan sebagainya.

6.11.3 Jumlah potongan yang dibenarkan untuk perbelanjaan di bawah perenggan ini adalah terhad kepada amaun maksimum RM2,500 dan hendaklah dibuktikan dengan resit pembelian atau bayaran.

Contoh 24

Mimi, seorang pereka dalaman telah melakukan perbelanjaan gaya hidup seperti di bawah dan menuntut potongan bagi TT 2026:

- Pembelian surat khabar berjumlah RM55;
- Pembelian e-buku berjumlah RM280;
- Pembelian telefon pintar berharga RM580; dan
- Bayaran langganan internet untuk setahun berjumlah RM1,800.
- Bayaran menghadiri kursus bakeri berjumlah RM300.

Kesemua resit pembelian dan pembayaran disimpan oleh Mimi untuk tujuan tuntutan potongan.

Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk pembelian dan bayaran di atas adalah RM3,015. Walau bagaimanapun, Mimi hanya layak menuntut potongan berkaitan gaya hidup terhad kepada amaun maksimum RM2,500.

Contoh 25

Brian Wong membeli sebuah basikal *Mountain Bike* berharga RM1,499 dalam tahun 2026. Beliau juga membeli sebuah komputer riba berharga RM750.

Amaun yang dibelanjakan untuk gaya hidup oleh Brian Wong yang boleh dibenarkan sebagai potongan bagi TT 2026 adalah sebanyak RM750 untuk pembelian komputer riba sahaja.

Amaun yang dibelanjakan untuk pembelian basikal *Mountain Bike* berharga RM1,499 tidak boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah perenggan 46(1)*(p)* ACP tetapi dibenarkan sebagai potongan di bawah perenggan 46(1) (*u*) ACP iaitu pelepasan cukai tambahan bagi gaya hidup berkaitan aktiviti sukan terhad kepada RM1,000 sahaja. Untuk maklumat lanjut sila rujuk perenggan 6.15.

Contoh 26

Aqil dan Liyani mempunyai pendapatan penggajian dan memilih taksiran berasingan bagi TT 2026 Berikut adalah tuntutan perbelanjaan yang telah dilakukan oleh mereka dalam tahun 2026:

Perbelanjaan	Amaun dibelanjakan (RM)	
	Aqil	Liyani
Buku	500	600
Langganan internet	1,000	1,000
Yuran kursus Bahasa Arab	Tiada	500
Yuran kursus tanaman fertigasi	1,400	Tiada
Pembelian raket tenis	Tiada	800
Bayaran keahlian gimnasium	2,400	Tiada
Jumlah perbelanjaan	**5,300**	**2,900**

Setiap perbelanjaan dibuktikan dengan resit sebagaimana disyaratkan.

Bagi tujuan tuntutan pelepasan cukai di bawah perenggan 46(1)*(p)* ACP untuk TT 2026, Aqil layak menuntut pelepasan bagi pembelian buku, langganan internet, yuran kursus tanaman fertigasi terhad kepada RM2,500.

Manakala Liyani layak menuntut pelepasan buku, langganan internet dan yuran kursus Bahasa Arab sebanyak RM2,100.

Perbelanjaan Aqil dan Liyani bagi bayaran keahlian gimnasium dan pembelian raket tenis adalah tidak layak dituntut di bawah perenggan 46(1)*(p)* ACP tetapi boleh dituntut di bawah perenggan 46(1)*(u)* ACP sekiranya memenuhi syarat di bawah peruntukan tersebut. Rujuk **Contoh 33**.

6.12 Pembelian peralatan penyusuan

6.12.1 Mulai TT 2017, perenggan 46(1)*(q)* ACP memperuntukkan potongan cukai atas pembelian peralatan penyusuan khususnya kepada wanita berkerjaya yang masih menyusukan anak.

6.12.2 Amaun potongan yang dibenarkan bagi pembelian peralatan penyusuan adalah terhad kepada amaun maksimum RM1,000 yang dibelanjakan dalam tahun asas bagi TT tersebut tanpa mengambil kira bilangan anak, dan potongan hanya dibenarkan sekali **setiap dua TT**.

6.12.3 Potongan ini dibenarkan dengan syarat individu :

(a) ibu yang menyusukan anak;

(b) menyusukan anak berumur sehingga 2 tahun;

(c) melakukan perbelanjaan atas pembelian peralatan penyusuan untuk kegunaannya; dan

(d) membuat tuntutan yang dibuktikan dengan resit pembelian.

6.12.4 Peralatan penyusuan yang layak mendapat potongan di bawah perenggan ini adalah seperti berikut:

(a) set pam susu dan pek ais;

(b) bekas pengumpulan dan penyimpanan susu; dan

(c) set penyejuk atau beg penyejuk.

6.12.5 Bagi taksiran bersama, pelepasan ini hanya dibenarkan sekiranya taksiran dibangkitkan **atas nama isteri**.

Contoh 27

Balqis melahirkan anak pertama dalam bulan November 2024. Beliau membeli peralatan penyusuan berharga RM1,450 dalam bulan Januari 2025 sebelum memulakan tugas di pejabat selepas cuti bersalinnya tamat. Dalam TT 2025, Balqis ditaksir secara berasingan dan menuntut potongan atas pembelian peralatan penyusuan. Resit bagi pembelian peralatan penyusuan disimpan oleh Balqis.

Balqis memenuhi syarat untuk menuntut potongan iaitu :

(a) beliau merupakan seorang ibu yang menyusukan anak yang berumur tidak melebihi 2 tahun; dan

(b) beliau melakukan perbelanjaan pembelian peralatan penyusuan dalam tahun 2025.

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan untuk Balqis bagi pembelian peralatan penyusuan adalah terhad kepada amaun maksimum RM1,000.

Contoh 28

Fakta sama seperti **Contoh 27**.

Dalam tahun 2026, Balqis telah membeli set pam susu yang baharu berharga RM950 untuk menggantikan set peralatan lama yang rosak. Beliau menuntut potongan bagi pembelian pam susu baharu yang dibuktikan dengan resit yang disimpan olehnya.

Tuntutan potongan yang dibuat oleh Balqis dalam tahun 2026 bagi pembelian set pam susu baharu tidak dibenarkan kerana Balqis telah dibenarkan potongan dalam TT 2025. Potongan di bawah perenggan 46(1)*(q)* ACP hanya boleh dibenarkan sekali dalam tempoh dua TT.

Contoh 29

Alicia telah melahirkan anak kedua dalam bulan Jun 2026 dan telah membeli peralatan penyusuan berharga RM750 dalam tahun tersebut. Bagi TT 2026, suami Alicia telah memilih taksiran bersama atas nama isterinya.

Alicia layak menuntut potongan cukai sebanyak RM750 atas pembelian peralatan penyusuan bagi TT 2026 kerana taksiran dibangkitkan atas namanya.

Contoh 30

Fakta sama seperti **Contoh 29 kecuali** bagi TT 2026, Alicia telah memilih taksiran bersama atas nama suami.

Potongan atas pembelian peralatan penyusuan sebanyak RM750 adalah tidak dibenarkan kerana taksiran dibuat atas nama suami Alicia.

6.13 Yuran taman asuhan kanak-kanak dan tadika

6.13.1 Perenggan 46(1)*(r)* ACP memperuntukkan suatu potongan cukai kepada individu atas amaun yang dibelanjakan berkaitan dengan yuran penjagaan anak ke taman asuhan kanak-kanak atau tadika bagi anak yang berumur 6 tahun dan ke bawah.

6.13.2 Taman asuhan kanak-kanak hendaklah didaftarkan dengan JKM di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*] di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat manakala tadika adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] dan hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri di bawah Kementerian Pendidikan.

6.13.3 Amaun yang dibenarkan sebagai potongan tanpa mengambil kira bilangan anak yang di hantar ke taman asuhan kanak-kanak atau tadika adalah amaun yang dibelanjakan dalam tahun yang berkenaan yang terhad kepada amaun maksimum mengikut TT seperti berikut:

TT	Amaun potongan (RM)
2017 - 2019	1,000
Mulai 2020	3,000

6.13.4 Potongan ini hanya boleh dituntut oleh suami **atau** isteri dan perlu dibuktikan dengan :

(a) dokumen kelahiran anak seperti MyKid atau sijil kelahiran; dan

(b) resit pembayaran yuran bulanan yang dikeluarkan oleh taman asuhan kanak-kanak atau tadika tersebut.

6.13.5 Sekiranya taksiran suami dan isteri dibuat secara berasingan, potongan cukai di bawah perenggan ini hanya boleh dituntut sama ada oleh suami atau isteri yang melakukan perbelanjaan tersebut.

6.13.6 Berkuatkuasa mulai TT2026, pelepasan cukai bagi perbelanjaan yuran penghantaran anak telah diperluaskan kepada perbelanjaan bagi bayaran yuran pusat jagaan harian atau pusat transit bagi membantu ibu bapa bekerja yang memerlukan tempat jagaan anak selepas tamat waktu persekolahan.

6.13.7 Premis penjagaan anak yang layak diperluas meliputi:

(a) pusat jagaan harian; atau

(b) pusat transit

yang berdaftar dengan JKM.

6.13.8 Had umur anak juga dinaikkan daripada 6 tahun kepada **12 tahun dan ke bawah**.

6.13.9 Bagi pasangan yang sudah bercerai, potongan cukai ini boleh dituntut oleh bekas suami dan bekas isteri dengan syarat kedua-duanya telah membuat pembayaran bagi yuran penjagaan anak mereka.

Contoh 31

Nuri dan suaminya bercerai dalam tahun 2025 dan mereka mempunyai 2 orang anak, Alia dan Alisya, masing-masing berumur 4 dan 9 tahun. Nuri mendapat hak penjagaan penuh atas kedua-dua anak tersebut. Dalam tahun 2026, Nuri telah membayar yuran sebanyak RM1,800 ke taman asuhan kanak-kanak untuk Alia dan bekas suaminya membayar RM2,000 untuk yuran pusat transit Alisya. Nuri dan bekas suaminya masing-masing layak menuntut potongan masing-masing sebanyak RM1,800 dan RM2,000 kerana kedua-duanya telah melakukan perbelanjaan yang dibenarkan potongan ke atas anak-anak mereka dan jumlah yang ditanggung tidak melebihi jumlah maksimum RM3,000 bagi potongan yang layak dalam suatu TT.

Nota :

Sekiranya pasangan yang bercerai hanya mempunyai seorang anak dan mereka berdua berkongsi perbelanjaan atas yuran penjagaan anak tersebut, masing-masing layak menuntut potongan ini terhad kepada amaun yang dibelanjakan serta tidak melebihi jumlah maksimum RM3,000 dalam suatu TT.

6.14 Pelepasan cukai ke atas perbelanjaan bayaran fi kemasukan ke pusat pelancongan dan program kebudayaan

Berkuat kuasa mulai TT 2026, potongan cukai di bawah perenggan 46(1)(*sa*) ACP diperkenalkan untuk menyokong usaha kerajaan dalam menganjurkan program Tahun Melawat Malaysia 2026 dan sebagai insentif kepada rakyat Malaysia yang melancong dalam negara, pelepasan cukai sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan bayaran fi kemasukan seperti berikut:

(a) pusat pelancongan seperti muzium, taman tema, taman negara, taman laut, taman haiwan, zoo dan *geopark*: dan

(b) program kebudayaan dan kesenian.

6.15 Pelepasan cukai tambahan bagi gaya hidup berkaitan dengan aktiviti sukan

6.15.1 Berkuat kuasa mulai TT 2021, potongan cukai di bawah perenggan 46(1)(*u*) ACP diperkenalkan untuk menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan. Potongan yang dibenarkan adalah suatu amaun terhad kepada maksimum RM500 yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan oleh individu dalam suatu tahun asas –

(a) bagi pembelian peralatan sukan bagi apa-apa aktiviti sukan seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*] (tidak termasuk basikal roda dua bermotor);

(b) bagi bayaran sewaan atau fi kemasukan ke mana-mana fasiliti sukan; dan

(c) bagi bayaran fi pendaftaran bagi penyertaan apa-apa pertandingan sukan yang mana penganjur tersebut diluluskan dan dilesenkan di bawah Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*].

6.15.2 Berkuat kuasa mulai TT 2024, had tuntutan yang dibenarkan dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000.

Potongan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 6.15.1 adalah dibenarkan dan juga diperluaskan kepada yuran keahlian gimnasium atau latihan sukan yang disediakan oleh persatuan/kelab sukan/syarikat yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan atau diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] untuk menjalankan aktiviti sukan yang disenaraikan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*].

6.15.3 Perbelanjaan tersebut adalah bagi kegunaannya sendiri atau di bawah namanya sendiri atau untuk kegunaan atau di bawah nama isterinya atau suaminya atau anaknya.

6.15.4 Berkuat kuasa mulai TT 2025, perbelanjaan gaya hidup berkaitan dengan aktiviti sukan diperluaskan kepada ibu bapa individu. Ibu bapa kepada individu yang menuntut pelepasan ini hendaklah bermastautin di Malaysia. Setiap pembelian atau pembayaran hendaklah dibuktikan dengan resit bayaran.

Contoh 32

Pada Februari 2026, Perez membeli peralatan sukan yang digunakan dalam sukan tenis bagi kegunaan anak-anaknya dan ibu bapanya berjumlah RM3,500. Perez layak untuk menuntut potongan dalam TT 2026 terhad kepada RM1,000 bagi pembelian peralatan sukan di bawah perenggan 46(1)(*u*) ACP.

Contoh 33

Fakta sama seperti **Contoh 26**, Liyani layak menuntut pelepasan bagi pembelian raket tenis dan Aqil layak menuntut pelepasan bagi yuran keahlian gimnasium terhad kepada RM1,000.

Contoh 34

Lee dan Shywen memilih taksiran berasingan bagi TT 2026. Berikut adalah perbelanjaan yang dilakukan oleh mereka:

Perbelanjaan	Amaun (RM)	
	Lee	Shywen
Peralatan sukan (raket dan bola tenis) untuk anak	300	250
Bayaran yuran latihan golf kepada Akademi Golf yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan untuk ibu bapa Lee yang bermastautin di Malaysia	800	Tiada
Fi kemasukan ke fasiliti sukan untuk ibu bapa Shywen yang bermastatutin di Singapura	Tiada	700
Jumlah Perbelanjaan	**1,100**	**950**

Lee layak menuntut potongan cukai di bawah perenggan 46(1)(*u*) ACP bagi peralatan sukan anaknya dan yuran latihan golf untuk ibu bapanya terhad RM1,000.

Shywen hanya layak menuntut di bawah peruntukan yang sama bayaran pembelian peralatan sukan untuk anaknya, RM250. Shywen tidak layak menuntut fi kemasukan ke fasiliti sukan untuk ibu bapanya yang bermastautin di Singapura.

6.16 Bayaran kemudahan pengecasan kenderaan elektrik, pembelian mesin kompos sisa makanan, bayaran pemasangan atau pembelian mesin rincih sisa makanan dan televisyen litar tertutup (*closed- circuit television*) [CCTV]) untuk kegunaan domestik

Perenggan 46(1)(*v*) ACP memperuntukkan potongan sehingga RM2,500 boleh dituntut oleh individu untuk yuran kemudahan mengecas kenderaan elektrik dan pembelian mesin kompos sisa makanan bagi kegunaan isi rumah.

6.16.1 Perbelanjaan bagi kemudahan pengecasan kenderaan elektrik termasuklah:

(a) kos pemasangan alat pengecasan kenderaan elektrik;

(b) pembelian secara sewa beli alat pengecasan kenderaan elektrik;

(c) sewaan alat pengecasan kenderaan elektrik; atau

(d) yuran langganan untuk kemudahan mengecas kenderaan elektrik.

6.16.2 Mesin kompos merupakan satu teknologi sisa pepejal yang digunakan untuk mengitar semula sisa organik seperti sisa makanan bagi membantu mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dibuang ke tapak pelupusan. Penggunaan mesin kompos dapat menghasilkan produk akhir seperti baja organik.

6.16.3 Berkuat kuasa mulai TT 2026, pelepasan cukai di bawah perenggan 46(1)(*v*) ACP diperluaskan kepada pembelian dan pemasangan mesin rincih sisa makanan dan CCTV untuk kegunaan domestik, yang merupakan antara elemen penting dalam membentuk rumah pintar kerana berfungsi memudahkan kehidupan seharian dari aspek keselamatan mahupun pengurusan sisa, di samping menyokong gaya hidup moden dan lestari melalui integrasi teknologi yang memberi manfaat jangka panjang kepada penghuni.

6.16.4 Amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah amaun yang dibelanjakan dalam tahun yang berkenaan mengikut syarat dan TT seperti berikut:

TT	Jenis Perbelanjaan	Syarat Potongan	Potongan yang dibenarkan (RM)
2022 - 2027	Bayaran kemudahan pengecasan kenderaan elektrik	• Kegunaan sendiri • Bukan tujuan perniagaan	2,500
2025 - 2027	Pembelian mesin kompos sisa makanan	• Kegunaan isi rumah • Bukan tujuan perniagaan • Sekali dalam setiap 3 tahun taksiran	
2026 - 2027	Pembelian dan bayaran pemasangan: • mesin rincih sisa makanan • CCTV	• Kegunaan isi rumah • Bukan tujuan perniagaan • Sekali dalam setiap 2 tahun taksiran	

Tuntutan hendaklah dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan atas nama individu yang menuntut.

Contoh 35

Rayyan memiliki sebuah kereta elektrik untuk tujuan kegunaan sendiri. Rayyan memasang alat pengecasan kenderaan elektrik di rumahnya pada awal tahun 2026. Pada hujung tahun 2026 Rayyan membeli mesin kompos sisa makanan bagi menghasilkan baja organik bagi tanamannya. Rayyan telah melakukan perbelanjaan berikut:

Jenis perbelanjaan	Amaun perbelanjaan (RM)
Kos alat pengecasan elektrik	2,000
Kos pemasangan alat pengecasan elektrik	200
Kos mesin kompos sisa makanan	1,500
Jumlah	**3,700**

Rayyan layak menuntut potongan yang terhad kepada amaun maksimum RM2,500 dalam TT 2026 bagi amaun yang dibelanjakan ke atas pembelian alat pengecasan kenderaan elektrik, pemasangan alat tersebut dan pembelian mesin kompos.

Contoh 36

Fakta sama seperti **Contoh 35.**

Pada awal tahun 2027 Rayyan membeli sebuah lagi mesin kompos sisa makanan bagi menghasilkan lebih banyak baja organik untuk tanamannya. Rayyan juga membeli sebuah mesin rincih sisa makanan. Perbelanjaan Rayyan dalam tahun 2027 adalah seperti berikut:

Jenis perbelanjaan	Amaun perbelanjaan (RM)
Kos mesin kompos sisa makanan	1,700
Kos mesin rincih sisa makanan	1,500
Jumlah	**3,200**

Rayyan hanya layak menuntut RM1,500 kos pembelian mesin rincih sisa makanan dalam TT 2027. Rayyan tidak layak menuntut kos pembelian mesin kompos sisa makanan dalam TT 2027 memandang Rayyan telah menuntut kos pembelian mesin kompos sisa makanan dalam TT 2026.

Contoh 37

Bagi tahun 2026, Husna membelanjakan RM2,800 bagi bayaran yuran langganan kemudahan pengecasan untuk kenderaan elektrik yang dimiliki olehnya. Husna menggunakan kenderaan tersebut untuk tujuan peribadi.

Husna layak menuntut potongan cukai bagi amaun yang dibelanjakannya untuk bayaran yuran langganan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik terhad kepada RM2,500 bagi TT 2026. Baki RM300 bagi perbelanjaan yuran langganan adalah diabaikan.

Contoh 38

Pada tahun 2025, Izran membuat pembayaran yuran langganan kemudahan mengecas kenderaan elektriknya dengan kos RM4,200 untuk kegunaan sendiri. Resit yang dikeluarkan mempunyai butiran bahawa jumlah bayaran RM4,200 adalah untuk tempoh 3 tahun bermula dari TT 2025 hingga TT 2027.

Potongan yang boleh dituntut oleh Izran adalah seperti berikut:

TT	Amaun dibelanjakan berdasarkan resit (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
2025	1,400	1,400
2026	1,400	1,400
2027	1,400	1,400
Jumlah	**4,200**	**4,200**

Contoh 39

Encik Darus melakukan pengubahsuaian ke atas rumahnya pada tahun 2026 dan bagi tujuan sekuriti rumah, beliau telah memasang sistem keselamatan pintar di seluruh rumahnya. Kos sistem keselamatan pintar tersebut adalah RM25,000, termasuk kos pemasangan dan pembelian CCTV berjumlah RM5,800. Kerja pemasangan sistem keselamatan pintar selesai dan sedia digunakan pada 26 Oktober 2026. Encik Darus juga telah membeli *food waste grinder machine* bernilai RM1,299 untuk dipasang di dapur rumah yang telah diubahsuai.

Encik Darus boleh menuntut potongan cukai pendapatan bagi TT 2026 ke atas perbelanjaan yang dikeluarkan untuk membeli CCTV dan *food waste grinder machine* untuk rumahnya terhad kepada RM2,500.

Pada tahun berikutnya, Encik Darus telah membeli satu set CCTV untuk dipasang di bilik dengan tujuan memantau penjagaan ibu beliau di rumah dengan kos RM1,800 termasuk kos pemasangan. Encik Darus tidak layak menuntut potongan cukai individu ke atas pembelian CCTV bagi TT 2027 kerana telah menuntut potongan bagi pembelian CCTV pada TT 2026.

6.17 Potongan bagi bayaran faedah pinjaman rumah kediaman pertama

Seksyen 46B ACP memperuntukkan suatu potongan cukai kepada individu warganegara Malaysia dan pemastautin bagi bayaran faedah atas pinjaman perumahan yang diambil bagi membiayai pembelian rumah kediaman pertama.

6.17.1 Jumlah pelepasan cukai yang dibenarkan adalah berdasarkan banjaran harga rumah kediaman seperti berikut:

Harga rumah kediaman	Jumlah pelepasan cukai setahun (RM)
Sehingga RM500,000	7,000
Melebihi RM500,000 dan sehingga RM750,000	5,000

6.17.2 Pelepasan cukai pendapatan individu ke atas bayaran faedah ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) rumah kediaman hendaklah rumah kediaman pertama yang tidak menghasilkan sebarang pendapatan;

(b) perjanjian jual beli hendaklah disempurnakan mulai **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027**;

(c) amaun pelepasan cukai individu ke atas bayaran faedah dibenarkan adalah bagi tiga (3) TT berturut-turut mulai tahun pertama faedah pinjaman perumahan dibayar;

(d) bagi maksud tiga (3) TT berturut-turut, ia dikira bermula dari tahun faedah mula dibayar. Individu tidak dibenarkan untuk membuat pilihan sendiri TT tuntutan pelepasan cukai hendak dibuat; dan

(e) dua atau lebih individu layak menuntut pelepasan cukai ke atas bayaran faedah pinjaman perumahan bagi sebuah rumah kediaman yang sama mengikut asas pembahagian bayaran faedah seperti formula di bawah:

$$\text{Jumlah potongan dibenarkan dalam tahun berkenaan} \times \frac{\text{Jumlah faedah yang dibelanjakan oleh individu dalam tahun berkenaan}}{\text{Jumlah faedah dibelanjakan oleh kesemua individu dalam tahun berkenaan}}$$

Contoh 40

Damia membeli sebuah rumah kediaman pertama berharga RM600,000 dan perjanjian jual beli disempurnakan pada 1 Februari 2027. Bayaran faedah pinjaman bermula pada 1 November 2027.

Pelepasan cukai yang layak dituntut oleh Damia atas bayaran faedah pinjaman rumah kediamannya adalah seperti berikut:

TT	Amaun faedah dibayar (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
2027	3,000	3,000
2028	16,700	5,000
2029	16,700	5,000
2030 dan seterusnya	16,700	Tidak layak

Jumlah pelepasan cukai yang layak dituntut oleh Damia adalah terhad RM5,000 setahun kerana harga rumah yang dibeli berada dalam lingkungan harga RM500,001 hingga RM750,000.

Damia tidak layak menuntut pelepasan cukai atas faedah pinjaman rumah kediaman bagi TT 2030 dan seterusnya kerana pelepasan ini hanya dibenarkan bagi tiga TT berturut-turut bermula dari tahun faedah dibayar iaitu TT 2027.

Contoh 41

Rumah kediaman pertama yang dibeli oleh Alia berharga RM450,000. Perjanjian jual dan beli telah ditandatangani pada 01 September 2027 dan bayaran faedah atas pinjaman bermula 01 Disember 2028.

Pelepasan cukai yang layak dituntut oleh Alia atas bayaran faedah pinjaman rumah kediaman adalah seperti berikut:

TT	Amaun faedah dibayar (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
2028	1,800	1,800
2029	11,000	7,000
2030	11,000	7,000
2031 dan seterusnya	11,000	Tidak layak

Jumlah pelepasan cukai yang layak dituntut oleh Alia adalah terhad kepada RM7,000 setahun kerana harga rumah yang dibeli berada dalam lingkungan harga tidak melebihi RM500,000.

Alia tidak layak menuntut potongan cukai atas faedah pinjaman rumah kediaman bagi TT 2031 dan seterusnya kerana potongan ini hanya dibenarkan bagi tiga (3) TT berturut-turut bermula dari tahun faedah mula dibayar iaitu tahun TT 2028.

Contoh 42

Fakta sama seperti **Contoh 41.**

Alia menuntut potongan cukai faedah pinjaman rumah kediaman bermula dari TT 2029 hingga TT 2031.

TT	Amaun faedah dibayar (RM)	Amaun faedah dituntut (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
2028	1,800	tiada	
2029	11,000	11,000	7,000
2030	11,000	11,000	7,000
2031	11,000	11,000	Tidak layak

Alia tidak layak menuntut potongan cukai atas faedah pinjaman rumah kediaman bagi TT 2031 dan seterusnya kerana pelepasan diberikan tiga (3) TT berturut-turut bermula dari tahun faedah pinjaman mula dibayar dalam TT 2028.

Contoh 43

Auni dan Aini adalah adik beradik kembar yang berkongsi membeli sebuah rumah kediaman untuk didiami oleh ibubapa mereka berharga RM560,000 dan perjanjian jual beli ditandatangani pada 01 September 2026. Masing-masing membuat pinjaman bank secara berasingan dan menjelaskan bayaran ansuran termasuk faedah pinjaman masing-masing.

Jumlah faedah yang telah dibelanjakan dan layak dituntut sebagai potongan oleh Auni dan Aini adalah seperti berikut:

Butiran	TT 2026		TT 2027	
	Amaun dibelanjakan (RM)	Potongan dibenarkan (RM)	Amaun dibelanjakan (RM)	Potongan dibenarkan (RM)
Auni	2,000	2,000	6,000	5,000 X 6,000 / 12,500 = **2,400**
Aini	3,000	3,000	6,500	5,000 X 6,500 / 12,500 = **2,600**

6.17.3 Apabila seorang isteri/suami memilih taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) ACP, maka faedah yang dibayar oleh isteri/suami dianggap telah dibayar oleh:

(a) suami sekiranya isteri memilih untuk ditaksir di bawah nama suami; atau

(b) isteri sekiranya suami memilih untuk ditaksir di bawah nama isteri.

Contoh 44

Kamal dan isterinya, Rose membeli rumah kediaman pertama mereka yang berharga RM400,000 dalam tahun 2027. Masing-masing membayar faedah atas pinjaman berjumlah RM3,000 dalam tahun tersebut.

Kamal memilih taksiran bersama atas nama Rose. Faedah yang dibayar oleh Kamal berjumlah RM3,000 dianggap dibayar oleh Rose. Rose layak menuntut potongan faedah pinjaman berjumlah RM6,000 dalam TT 2027.

6.18 Potongan bagi isteri dan bayaran alimoni atau nafkah kepada bekas isteri

6.18.1 Di bawah subseksyen 47(1) ACP, seorang individu yang bermastatutin di Malaysia yang mempunyai isteri yang tinggal bersamanya dalam suatu tahun asas layak menuntut potongan bagi isteri sebanyak RM4,000 bagi TT tersebut. Potongan tambahan sebanyak RM6,000 dibenarkan sekiranya isterinya adalah seorang yang kurang upaya.

Nota:

Sekiranya bayaran alimoni atau nafkah yang dibayar kepada bekas isteri dalam tahun asas itu adalah kurang daripada potongan yang dibenarkan di bawah subseksyen 47(1) ACP, amaun yang dibenarkan sebagai potongan adalah dihadkan kepada amaun sebenar yang dibayar sebagai bayaran alimoni atau nafkah kepada bekas isteri.

6.18.2 Sekiranya berlaku penceraian atau kematian isteri dalam suatu tahun asas, individu masih layak menuntut potongan penuh dan potongan tambahan di bawah subseksyen 47(1) ACP bagi TT berkenaan.

Contoh 45

Muaz dan isterinya mendirikan rumahtangga dalam tahun 2022. Pada Februari 2026 isteri Muaz telah meninggal dunia.

Muaz layak menuntut potongan penuh bagi isteri sebanyak RM4,000 bagi TT 2026.

6.18.3 Seorang individu juga layak menuntut potongan bagi isteri sekiranya isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan - subseksyen 47(5) ACP.

Walau bagaimanapun, seorang individu tidak dibenarkan potongan ini sekiranya isteri ditaksir secara berasingan.

6.18.4 Subseksyen 47(2) ACP pula memperuntukkan potongan dibenarkan bagi bayaran alimoni atau nafkah yang dibayar oleh individu kepada bekas isteri dan individu itu dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat bayaran tersebut. Walau bagaimanapun, seksyen ini tertakluk kepada subseksyen 47(3) ACP yang menyatakan bahawa jumlah potongan dibenarkan hendaklah tidak melebihi RM4,000 dan potongan ini adalah sebahagian daripada potongan isteri di bawah subseksyen 47(1) ACP.

Contoh 46

Morris bermastautin di Malaysia bagi tahun asas 2025. Beliau bercerai dengan isterinya pada 1 Februari 2025 dan bermula 1 Oktober 2025 beliau membayar alimoni berjumlah RM12,000 kepada bekas isterinya menurut perintah mahkamah.

Morris layak menuntut potongan isteri dalam tahun asas 2025 dan bayaran alimoni tetapi terhad kepada amaun maksimum RM4,000 bagi TT 2025.

Contoh 47

Fakta sama seperti di **Contoh 46**.

Pada 1 Februari 2026, Morris telah berkahwin dengan Usha yang tidak bekerja dan tiada jumlah pendapatan. Morris layak menuntut potongan bagi isteri dan bayaran alimoni kepada bekas isteri tetapi terhad kepada amaun maksimum RM4,000 bagi TT 2026.

Nota:

Sekiranya Usha bekerja dan mempunyai jumlah pendapatan dan memilih untuk ditaksir secara berasingan, Morris masih layak menuntut potongan bayaran alimoni kepada bekas isteri tetapi terhad kepada RM4,000.

6.18.5 Bayaran alimoni secara sukarela kepada bekas isteri di bawah persetujuan bersama tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak dibenarkan potongan.

6.18.6 Sekiranya isteri (**kecuali** isteri yang kurang upaya) mempunyai pendapatan yang diperoleh daripada punca luar Malaysia dan pendapatan kasar isteri daripada sumber tersebut melebihi amaun potongan yang dibenarkan bagi isteri, suami tidak layak menuntut potongan bagi isteri.

Contoh 48

Amin adalah seorang pemastautin di Malaysia dan menjalankan perniagaan percetakan. Isterinya, Nabila adalah seorang pramugari yang berkhidmat dengan syarikat penerbangan di luar negara. Dalam tahun 2026, pendapatan yang diterima oleh Nabila daripada syarikat berkenaan adalah sebanyak RM180,000.

Amin tidak layak menuntut potongan bagi isteri kerana pendapatan isterinya yang diperoleh dari luar negara melebihi amaun potongan bagi isteri iaitu RM4,000.

6.19 Potongan bagi suami

6.19.1 Seksyen 45A ACP membenarkan potongan sebanyak RM4,000 diberi kepada seorang isteri jika suami -

(a) tiada punca pendapatan;

(b) tiada jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan isteri; atau

(c) memilih untuk ditaksir bersama isteri dan cukai ditaksir atas nama isteri.

Potongan ini hanya layak dituntut oleh seorang isteri sahaja walaupun suami mempunyai lebih daripada seorang isteri.

6.19.2 Potongan tambahan sebanyak RM6,000 dibenarkan sekiranya suaminya adalah seorang yang kurang upaya.

6.19.3 Jika suami (**kecuali** suami yang kurang upaya) mempunyai pendapatan yang diperoleh dari sumber luar Malaysia dan pendapatan kasar suami daripada sumber tersebut melebihi amaun potongan yang dibenarkan bagi suami, isteri tidak layak menuntut potongan bagi suami.

Contoh 49

Intan merupakan seorang pemastautin di Malaysia dan bekerja sebagai seorang akauntan di Kuala Lumpur. Suami beliau, Rizal adalah seorang jurutera yang bekerja di Dubai dan memperoleh pendapatan sebanyak RM300,000 dari Dubai dalam tahun 2026.

Intan tidak layak menuntut potongan bagi suami kerana pendapatan suami yang diperoleh dari luar negara melebihi potongan yang dibenarkan bagi suami iaitu RM4,000.

6.20 Potongan bagi anak

6.20.1 Seksyen 48 ACP membenarkan seorang individu untuk menuntut potongan bagi anak dengan syarat :

(a) individu bermastautin di Malaysia;

(b) individu membelanjakan sepenuhnya atau sebahagian untuk menyara anak; dan

(c) anak berkenaan belum berkahwin.

6.20.2 Amaun potongan yang dibenarkan bagi anak adalah seperti berikut:

(a) Anak di bawah umur 18 tahun

Potongan sebanyak RM2,000 bagi anak yang belum berkahwin yang berumur kurang daripada 18 tahun pada bila-bila masa dalam suatu tahun asas – perenggan 48(1)*(a)* dan 48(2)*(a)* ACP.

(b) Anak kurang upaya

Potongan sebanyak RM8,000 bagi anak yang belum berkahwin yang kurang upaya fizikal atau mental tanpa mengira umur anak dan sama ada anak tersebut menerima pengajian sepenuh masa – perenggan 48(1)*(d)* dan 48(2)*(b)* ACP.

Potongan tambahan berjumlah RM8,000 bagi anak yang belum berkahwin yang kurang upaya dan menerima penggajian

sepenuh masa di dalam atau luar Malaysia (di peringkat ijazah termasuk di peringkat sarjana atau kedoktoran) di mana-mana institusi yang diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan. Potongan ini adalah tambahan kepada potongan sedia ada bagi anak kurang upaya.

(c) Anak 18 tahun ke atas yang masih belajar

Potongan sebanyak RM2,000 bagi anak yang belum berkahwin dan pada bila-bila masa dalam suatu tahun asas yang menerima pengajian sepenuh masa / berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur – perenggan 48(1)*(b)* dan *(c)*, dan 48(2)*(a)* ACP.

ATAU

Potongan berjumlah empat kali amaun potongan bagi anak di bawah perenggan 48(1)(*b*) atau *(c)* ACP iaitu RM8,000 (RM2,000 x 4) bagi anak yang belum berkahwin yang berumur 18 tahun ke atas dan – Perenggan 48(3) ACP :

(i) mengikuti pengajian sepenuh masa (tidak termasuk kursus matrikulasi atau pra ijazah atau A-Level) di universiti, kolej atau institusi pendidikan lain yang serupa dengannya di Malaysia; atau

(ii) berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperoleh kelayakan perdagangan atau profesion di Malaysia; atau

(iii) mengikuti pengajian sepenuh masa di luar Malaysia di peringkat ijazah (termasuk ijazah di peringkat sarjana atau kedoktoran) atau yang setaraf dengannya.

6.20.3 Potongan bagi anak boleh dibenarkan sekiranya anak tersebut mengikuti pengajian dalam kursus dan di institusi pengajian yang diluluskan oleh kerajaan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk portal rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi di https://www.mohe.gov.my.

6.20.4 Ringkasan pelepasan bagi anak adalah seperti berikut:

Maklumat berkenaan anak	Amaun potongan (RM)
Anak berumur kurang 18 tahun	2,000
Anak kurang upaya	8,000
Anak berumur 18 tahun ke atas yang menerima pengajian sepenuh masa di Malaysia	8,000
Anak berumur 18 tahun ke atas yang menerima pengajian sepenuh masa di luar Malaysia (peringkat ijazah termasuk ijazah di peringkat Sarjana atau Kedoktoran)	8,000
Anak berumur 18 tahun ke atas yang berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperoleh kelayakan perdagangan atau profesion di Malaysia	8,000
Anak kurang upaya yang menerima pengajian sepenuh masa di dalam dan luar Malaysia	16,000

6.20.5 Sekiranya seorang isteri ditaksir secara berasingan atas namanya sendiri, dia boleh memilih dengan mengisi ruangan tertentu dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan supaya potongan yang bersesuaian bagi anak diberikan sepenuhnya kepadanya – proviso kepada subseksyen 48(1) ACP.

Di mana dua atau lebih individu berhak menuntut potongan bagi bayaran yang dilakukan berhubung dengan anak yang sama, potongan anak yang boleh dibenarkan kepada setiap individu adalah 50% daripada potongan yang dibenarkan – subseksyen 48(4) ACP.

Contoh 50

Zahid dan Nurin mempunyai seorang anak lelaki. Mereka bercerai dalam tahun 2026 semasa anak mereka berumur 12 tahun. Zahid dan Nurin masing-masing menuntut potongan bagi anak mereka kerana kedua-duanya menanggung perbelanjaan bagi anak tersebut.

Potongan bagi anak yang boleh dibenarkan bagi TT 2026 adalah RM2,000. Memandangkan terdapat dua individu yang layak untuk

menuntut potongan, potongan anak yang boleh dibenarkan adalah 50% daripada potongan yang dibenarkan. Perincian maklumat adalah seperti berikut:

Butiran	Amaun
Zahid (ayah)	50% x RM2,000 = RM1,000
Nurin (ibu)	50% x RM2,000 = RM1,000

Contoh 51

Sepasang suami isteri telah mengambil seorang anak angkat pada 1 Mac 2026. Pasangan ini kemudian bercerai dalam tahun yang sama dan masing-masing menuntut potongan untuk anak tersebut. Bapa kandung anak tersebut juga menuntut potongan kerana menanggung perbelanjaan penjagaan anaknya dalam tahun tersebut.

Potongan untuk anak yang boleh dibenarkan bagi TT 2026 adalah seperti berikut:

Butiran	Amaun
Bapa kandung	50% x RM2,000 = RM1,000
Bapa angkat	50% x RM2,000 = RM1,000
Ibu angkat	50% x RM2,000 = RM1,000

Contoh 52

Ayu mempunyai seorang anak dari perkahwinan yang terdahulu. Beliau berkahwin dengan Raimi dan masing-masing menanggung perbelanjaan penjagaan anak tersebut. Bekas suami Ayu, Amri juga menuntut potongan untuk anak kerana beliau menanggung perbelanjaan penjagaan anaknya.

Potongan yang boleh dituntut oleh Ayu, Raimi dan Amri untuk anak tersebut bagi TT 2026 adalah seperti berikut:

Butiran	Amaun
Ayu (ditaksir secara berasingan dan memilih potongan anak diberi keseluruhan kepadanya)	RM1,000 (50% x RM2,000)
Raimi	-tiada-
Amri	RM1,000 (50% x RM2,000)

Nota:

Walaupun Ayu ditaksir secara berasingan dan memilih potongan bagi anak diberikan keseluruhan kepadanya, beliau hanya layak untuk 50% daripada potongan sepenuhnya kerana wujud dua individu (Ayu dan Amri) yang layak menuntut potongan ke atas anak yang sama – subseksyen 48(4) ACP.

Raimi tidak layak menuntut potongan anak bagi anak yang sama walaupun beliau juga menanggung perbelanjaan bagi anak tersebut kerana isterinya, Ayu yang ditaksir berasingan memilih potongan anak diberikan keseluruhan kepadanya – proviso kepada subseksyen 48(1) ACP.

6.20.6 Maklumat tambahan berhubung dengan potongan bagi anak:

(a) “Pengajian sepenuh masa” bermaksud kurikulum institusi pendidikan yang mengkehendaki anak itu menumpukan sepenuh masa kepada pelajarannya. Jika anak itu dikehendaki menghabiskan sebahagian masanya kerana belajar atau berlatih seperti pengajian muzik, potongan adalah dibenarkan sekiranya kursus pengajian adalah kursus sepenuh masa.

(b) “Institusi pendidikan lain yang serupa dengannya” bermaksud institusi yang serupa dengan sebuah universiti, kolej atau sekolah (mana berkenaan).

(c) “Berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur” bermaksud anak yang belajar dan bekerja pada masa yang sama di bawah suatu ikatan artikel atau indentur itu dikehendaki menumpukan sepenuh masa beliau kepada

latihan yang diberi untuk tempoh tidak kurang daripada dua tahun.

6.20.7 Potongan untuk anak tidak boleh dibenarkan kepada seorang individu atau pasangan sekiranya anak berkenaan menerima jumlah pendapatan yang melebihi potongan yang sebaliknya boleh dibenarkan untuk anak tersebut – subseksyen 48(5) ACP.

Walau bagaimanapun, penerimaan berikut tidak boleh dianggap sebagai pendapatan anak:

(a) amaun yang diterima sebagai biasiswa, geran atau elaun yang serupa dengannya – perenggan 24 Jadual 6 ACP; dan

(b) pembayaran yang diterima oleh anak yang berkhidmat dengan majikan di bawah suatu ikatan artikel atau indentur. Pada permulaan latihan, amaun premium yang kena dibayar oleh individu atau pasangan bagi membolehkan anak tersebut menerima latihan dengan majikan itu. Bayaran yang diterima oleh anak daripada majikan adalah dianggap sebagai bayaran balik premium dan bukan berupa gaji.

Contoh 53

Fariz mempunyai seorang anak, Julia yang sedang menuntut di peringkat ijazah di sebuah institut pengajian swasta yang diiktiraf oleh kerajaan. Julia mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM15,000 dalam tahun 2026 sebagai ejen menjual makanan berkhasiat secara atas talian.

Fariz dan isterinya tidak layak menuntut potongan anak ke atas anaknya kerana jumlah pendapatan Julia bagi TT 2026 adalah melebihi potongan yang boleh dibenarkan bagi TT berkenaan iaitu RM8,000.

6.21 Potongan bagi premium insurans/sumbangan Takaful dan caruman kepada skim yang diluluskan

6.21.1 Berkuat kuasa mulai TT 2005, subseksyen 49(1) ACP memperuntukkan jumlah potongan cukai layak dituntut bagi bayaran premium insuran hayat/sumbangan Takaful keluarga dan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau kumpulan wang lain yang diluluskan adalah terhad kepada RM 6,000. Tuntutan potongan ini dilanjutkan sehingga TT 2018.

6.21.2 Mulai TT 2019 sehingga TT 2022 jumlah potongan bagi bayaran premium insuran hayat/sumbangan Takaful keluarga dan caruman

kepada KWSP atau kumpulan wang lain yang diluluskan diperluaskan seperti berikut:

TT	Kategori	Perenggan 49(1)*(a)* ACP Premium insuran hayat/sumbangan Takaful keluarga	Perenggan 49(1)*(b)* ACP Caruman KWSP	Syarat potongan caruman KWSP
2019 - 2021	Individu (selain penjawat awam)	Terhad RM3,000	Terhad RM4,000	Caruman wajib sahaja
	Penjawat awam	Terhad RM7,000	-	
Mulai 2022	Individu	Terhad RM3,000	Terhad RM4,000	Caruman wajib dan **caruman sukarela**
	Penjawat awam	Terhad RM7,000	-	-

Nota:

a) Penjawat awam mestilah seorang pegawai berpencen yang memilih skim persaraan berpencen dan telah disahkan jawatan menurut seksyen 2 Akta Pencen 1980 [*Akta 227*].

b) Perenggan 49(1A)(*c*) ACP membenarkan penjawat awam menuntut potongan cukai bagi bayaran premium insuran hayat/sumbangan Takaful keluarga sehingga RM7,000 di bawah perenggan 49(1)(*a*) ACP dengan syarat penjawat awam berkenaan tidak menuntut caruman KWSP di bawah perenggan 49(1)(*b*) ACP atau caruman kepada skim yang diluluskan (selain daripada skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Perenggan 49(1A)(*c*) ACP telah dipotong melalui Akta Kewangan 2023 [*Akta 845*] mulai TT 2023 dan seterusnya.

6.21.3 Berkuat kuasa mulai TT 2023, potongan cukai bagi premium insurans hayat atau sumbangan Takaful keluarga termasuk caruman sukarela tambahan kepada KWSP atau skim yang diluluskan adalah seperti berikut :

TT	**Kategori individu**	**Jenis caruman**		
		Perenggan 49(1)*(a)* ACP	**Perenggan 49(1)*(b)* ACP**	**Perenggan 49(1)*(c)* ACP**
Mulai 2023	**Individu**	Premium insurans hayat/sumbangan Takaful keluarga atau caruman **sukarela** tambahan kepada KWSP atau kedua-duanya	Caruman kepada skim yang diluluskan atau caruman **wajib atau sukarela** kepada KWSP (tidak termasuk skim persaraan swasta)	Caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan balu, duda dan anak yatim atau di bawah apa-apa skim yang diluluskan oleh undang-undang berkenaan
Amaun potongan yang boleh dituntut		Terhad RM3,000	Terhad RM4,000	

Contoh 54

Dalam tahun 2026, Ateya membayar premium insurans hayat sebanyak RM3,000 dan mencarum ke dalam skim KWSP sebanyak RM7,000.

Amaun yang dibenarkan sebagai potongan untuk Ateya ialah RM3,000 bagi bayaran premium insurans hayat dan terhad kepada RM4,000 bagi caruman yang dibuat kepada KWSP.

Contoh 55

Haikal merupakan penjawat awam yang telah memilih skim KWSP di bawah seksyen 2, Akta Pencen 1980 [Akta 227]. Dalam tahun 2026, Haikal membayar premium insurans hayat berjumlah RM7,100 dan membuat caruman KWSP sebanyak RM3,500.

Jumlah potongan yang dibenarkan dituntut oleh Haikal dalam TT 2026 adalah seperti berikut:

Butiran	**Belanja sebenar (RM)**	**Potongan yang dibenarkan (RM)**
Premium insurans hayat	7,100	3,000 (Terhad) Perenggan 49(1)*(a)* ACP
Caruman KWSP	3,500	3,500 Perenggan 49(1)*(b)* ACP
Jumlah	**10,600**	**6,500**

6.21.4 Berkuat kuasa mulai TT 2026, bayaran bagi premium insurans hayat atau sumbangan Takaful keluarga diperluaskan untuk anak bagi menggalakkan pengambilan insurans nyawa atau Takaful keluarga sebagai jaminan kewangan sekiranya berlaku kemalangan atau kematian tidak dijangka. Tafsiran anak adalah merujuk kepada subsekyen 48(9) ACP.

Contoh 56

Sani merupakan seorang penjawat awam di bawah skim berpencen dan telah mencarum kepada KWSP secara sukarela sebanyak RM3,000. Sani juga membayar sebanyak RM4,500 bagi sumbangan Takaful keluarga. Pecahan sumbangan Takaful keluarga yang dibayar oleh Sani adalah seperti berikut:

Takaful Keluarga (RM)	
Diri sendiri	1,500
Isteri dan anak-anak	3,000
Jumlah bayaran	**4,500**

Jumlah potongan yang dibenarkan yang boleh dituntut oleh Sani bagi TT 2026 adalah seperti dalam jadual di bawah:

Butiran	Belanja sebenar (RM)	Potongan yang dibenarkan (RM)
Sumbangan Takaful keluarga	4,500	3,000 (Terhad) Perenggan 49(1)*(a)* ACP
Caruman KWSP sukarela	3,000	3,000 Perenggan 49(1)*(b)* ACP
Jumlah	**7,500**	**6,000**

Maklumat lanjut berhubung insurans boleh dirujuk di perenggan 6.21.5

Contoh 57

Layla adalah pekerja sebuah syarikat swasta. Dalam tahun 2026, melalui majikannya beliau telah memilih untuk menaikkan kadar caruman bulanan KWSP sebanyak 3% daripada 11% wajib kepada 14%. Di samping itu, beliau juga tidak membayar apa-apa premium insurans hayat/sumbangan Takaful keluarga pada tahun 2026. Jumlah potongan caruman bulanan KWSP Layla adalah seperti jadual di bawah:

Butiran	Belanja sebenar (RM)	Potongan yang dibenarkan (RM)
Caruman KWSP (11%)	3,500	3,500 Perenggan 49(1)*(b)* ACP
Caruman KWSP sukarela - tambahan (3%)	1,000	Terhad 500 Perenggan 49(1)*(b)* ACP Terhad 500 Perenggan 49(1)*(a)* ACP
Jumlah	**4,500**	**4,500**

Caruman tambahan 3% yang dibuat kepada KWSP oleh Layla secara sukarela berjumlah RM1,000 adalah dibenarkan sebagai potongan untuk TT 2026.

Contoh 58

Fakta sama seperti dalam **Contoh 57**, **kecuali** selain daripada membuat sumbangan sukarela tambahan KWSP melalui majikannya, Layla juga membuat satu sumbangan sukarela tambahan sekaligus kepada KWSP sebanyak RM10,000 pada bulan Julai 2026. Jumlah potongan caruman bulanan KWSP Layla adalah seperti jadual di bawah:

Butiran	**Belanja Sebenar (RM)**	**Potongan yang Dibenarkan (RM)**
Caruman KWSP (11%)	3,500	3,500 Perenggan 49(1)*(b)* ACP
Caruman KWSP sukarela - tambahan (3%)	1,000	Terhad 500 Perenggan 49(1)*(b)* ACP Terhad 500 Perenggan 49(1)*(a)* ACP
Caruman KWSP sukarela - tambahan sekali gus	10,000	Terhad 2,500 Perenggan 49(1)*(a)* ACP
Jumlah	**14,500**	**7,000**

Caruman tambahan KWSP oleh Layla secara sukarela tambahan melalui majikan dan tambahan sekaligus dibenarkan sebagai potongan yang terhad kepada RM3,500 untuk TT 2026.

6.21.5 Untuk tujuan tuntutan di bawah potongan ini, "insurans" bermaksud insurans/Takaful yang dibeli oleh individu –

(a) atas nyawa sendiri;

(b) atas nyawa isteri, atau atas nyawa suaminya jika individu adalah seorang perempuan;

(c) atas nyawa individu bersama isteri/isteri-isterinya atau atas nyawa isteri-isterinya, dan jika individu adalah seorang perempuan,

(i) atas nyawanya bersama suami;

(ii) atas nyawanya, suaminya, dan isteri-isteri kepada suaminya;

(iii) atas nyawanya dan isteri-isteri kepada suaminya; atau

(iv) atas nyawa suaminya dan isteri-isterinya.

(d) atas nyawa anak (berkuatkuasa mulai TT 2026).

Anak yang diinsuranskan bagi tujuan pelepasan cukai pendapatan individu ke atas bayaran premium insurans hayat atau sumbangan Takaful adalah merujuk kepada subseksyen 48(9) ACP.

Insurans/Takaful atau anuiti tertangguh itu hendaklah diikat janji dengan –

(a) sebuah syarikat insurans/Takaful untuk mendapatkan amaun modal atau anuiti tertangguh atau kedua-duanya apabila berlaku kematian; atau

(b) suatu kerajaan, badan awam atau pihak berkuasa yang mengawal perniagaan insurans/Takaful yang dimiliknegarakan (*nationalized*).

6.21.6 "Premium" berhubung dengan insurans hayat, adalah termasuk caruman atau ansuran yang kena dibayar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Act 759*]. Premium atas polisi insurans hayat atau sumbangan Takaful Keluarga yang dibeli dengan syarikat luar negeri yang tidak mempunyai cawangan di Malaysia juga dianggap sebagai premium/sumbangan yang dibenarkan.

Premium insurans atau sumbangan Takaful tidak disifatkan sebagai telah dibayar melainkan jika pembayaran sebenarnya telah dibuat oleh pembayar cukai. Oleh itu, hanya premium insurans atau sumbangan Takaful yang sebenarnya telah dibayar boleh dibenarkan potongan. Selain itu, potongan tidak dibenarkan bagi:

(a) premium/sumbangan yang belum dibayar walaupun dianggap sebagai telah dibayar oleh syarikat insurans disebabkan adanya klausa *'non-forfeiture'* dalam polisi; dan

(b) premium/sumbangan atau tunggakan yang tidak dibayar yang dibawa ke hadapan sebagai hutang dan ditolak daripada amaun modal apabila polisi matang atau polisi diserahkan.

6.22 **Premium insurans/sumbangan Takaful pendidikan atau manfaat perubatan**

6.22.1 Subseksyen 49(1B) ACP memperuntukkan potongan sehingga RM4,000 (peningkatan dari RM3,000) berkuatkuasa mulai TT 2025) dibenarkan kepada individu yang membuat bayaran atas premium insurans pendidikan atau manfaat perubatan.

Polisi pendidikan hendaklah mempunyai kriteria berikut:

(a) polisi yang diambil adalah untuk diri sendiri, pasangan atau anak;

(b) benefisiari polisi adalah anak;

(c) jika orang yang diinsuranskan adalah ibu atau bapa, manfaat insurans hendaklah hak milik anak sebagai nomini polisi;

(d) jika orang yang diinsuranskan adalah anak-

(i) adalah wajib nyawa orang yang membayar premium (ibu atau bapa) dilindungi (*payor benefit rider*);

(ii) jangkamasa *rider* mestilah sama dengan polisi asas;

(iii) sekiranya *rider* dipakej bersama dengan polisi asas dengan hanya satu premium, kesemua premium yang dibayar dibenarkan sebagai potongan; dan

(iv) sekiranya ibu atau bapa tidak layak untuk *payor benefit rider*, premium yang dibayar untuk polisi asas tidak layak mendapat potongan;

(e) untuk polisi takaful, peserta adalah ibu atau bapa dan manfaat polisi mestilah dihibahkan kepada anak;

(f) jumlah matang untuk polisi konvensional dan polisi takaful mestilah dijadualkan untuk bayaran semasa umur anak di antara 13 dan 25 tahun.

6.22.2 Polisi perubatan hendaklah mempunyai kriteria berikut:

(a) perbelanjaan mestilah berkaitan dengan rawatan perubatan yang disebabkan oleh penyakit atau kemalangan atau ketidakupayaan;

(b) perlindungan polisi adalah untuk tempoh 12 bulan atau lebih;

(c) polisi boleh diperolehi secara berasingan atau sebagai *rider* kepada polisi insurans hayat atau Takaful keluarga. Sekiranya sebagai *rider*, hanya premium/sumbangan *rider* yang layak dituntut sebagai potongan;

(d) di mana perlindungan penyakit berat digandingkan dengan polisi asas, jumlah keseluruhan premium/sumbangan *rider* yang dibayar layak dituntut sebagai potongan;

(e) di mana perlindungan penyakit berat dipakej bersama perlindungan nyawa/kemalangan persendirian, 60% daripada premium/sumbangan layak dituntut sebagai potongan;

(f) pekerja yang membayar premium/sumbangan dalam polisi perubatan berkelompok layak mendapat potongan; dan

(g) premium/sumbangan *waiver benefit rider* dan insurans/takaful untuk perbelanjaan perubatan dan perjalanan tidak layak mendapat potongan.

6.22.3 Berkuat kuasa mulai TT 2026, anak yang diinsuranskan bagi tujuan pelepasan cukai pendapatan individu ke atas bayaran premium insurans pendidikan dan insuran perubatan adalah merujuk kepada subseksyen 48(9) ACP.

6.23 **Premium anuiti tertangguh dan caruman kepada skim persaraan swasta**

Subseksyen 49(1D) ACP memperuntukkan potongan terhad kepada RM3,000 boleh dituntut oleh individu yang telah -

(a) membayar premium bagi anuiti tertangguh; atau

(b) membuat atau menanggung caruman ke skim persaraan swasta yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Tempoh tuntutan potongan bagi bayaran yang dibuat bagi skim persaraan swasta ini adalah bagi tempoh TT 2012 sehingga TT 2030.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk KU No. 4/2014 bertajuk “Anuiti Tertangguh” dan KU No. 9/2021 bertajuk “Skim Persaraan Swasta”.

7. Kemaskini dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No. 7/2025 bertarikh 5 Disember 2025 (Edisi Ketujuh)

Kandungan KU ini telah dikemaskini dan dipinda mengikut Akta Kewangan 2024 [*Akta 862*] seperti berikut:

Perenggan	Penerangan
1	Kemaskini TT 2026
5	5.2.7- Kemaskini contoh
	5.2.9 - Kemaskini contoh
6	6.2.3 - Kemaskini maklumat dan contoh
	6.5.5 - Kemaskini contoh
	6.6.4 - Kemaskini maklumat
	6.6.6 - Kemaskini contoh
	6.7.5 - Kemaskini contoh
	6.7.7 - Kemaskini contoh
	6.8 - Kemaskini maklumat
	6.8.4. - Kemaskini maklumat
	6.8.6 - Kemaskini contoh
	6.9.4 - Kemaskini contoh
	6.11.3 - Kemaskini maklumat dan contoh
	6.12 - Kemaskini maklumat
	6.12.5 - Kemaskini contoh
	6.13.4 - Kemaskini maklumat
	6.13.6 - Kemaskini maklumat
	6.13.7 - Kemaskini maklumat
	6.13.8 - Kemaskini maklumat
	6.13.9 - Kemaskini contoh
	6.14 - Kemaskini maklumat
	6.15.4 - Kemaskini contoh
	6.16 - Kemaskini tajuk kepada Bayaran kemudahan pengecasan kenderaan elektrik, dan pembelian

		mesin kompos sisa makanan dan mesin rincih sisa makanan untuk kegunaan domestik
		6.16.3 - Kemaskini maklumat
		6.16.4 - Kemaskini maklumat dan contoh
		6.17.2 - Kemaskini contoh
		6.17.3 - Kemaskini maklumat
		6.18.2 - Kemaskini contoh
		6.18.4 - Kemaskini contoh
		6.19.3 - Kemaskini contoh
		6.20.5 - Kemaskini contoh
		6.20.7 - Kemaskini contoh
		6.21.3 - Kemaskini contoh
		6.21.4 - Kemaskini maklumat dan contoh
		6.21.5 - Kemaskini maklumat
		6.22.3 - Maklumat baharu

8. **Penafian**

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan illustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

LAMPIRAN

SENARAI PERALATAN PERUBATAN DAN KEPERLUAN KHAS

1. *Portable automatic blood pressure monitor*
2. *Silicone ryles tube*
3. *Common chair*
4. *Detachable arm rest wheel chair* (untuk memudahkan pesakit mengalih kedudukan)
5. *Standard wheel chair*
6. *Walking frame*
7. *Quadripod*
8. *Rollator with 2 wheel and brake*
9. *Roller with elbow support*
10. *Automatic adjustable bed*
11. *Ripple mattress*
12. *J-cushion* (untuk melegakan tekanan bagi yang berisiko sakit tekanan semasa duduk)
13. *Transfer board*
14. *Acapella (*untuk fisioterapi paru-paru*)*
15. *Long term oxygen therapy*
16. *Portable suction machine*
17. *Food thickener* (untuk pesakit yang menghadapi masalah menelan terutama selepas strok)
18. *Clean intermittent catheterization*
19. *Moist dressings* (contoh: duoderm dan termasuk hydrocolloid dressings)
20. *Glucometer*
21. *Diapers*
22. *Urinary condom and bag*
23. *Bedpan*
24. *Nebulizer*
25. *Inhalers*
26. *Insulin pen*
27. *Urinary cathether*